



● BIL 284 ● 18 - 24 OKTOBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

Belanjawan 2025

Suara GIG

2-3



**Syerleena perjuang
reformasi sosial**
>>> 5



**Huffaz
usia dini**
>>> 9-11



**Ternak 10,000
haiwan di Labuan**
>>> 16



Belanjawan 2025

PERKASA EKONOMI PEKERJA GIG

PERTUMBUHAN penyertaan penggiat gig meningkat lebih pantas sebanyak 6.5 peratus berbanding penyertaan dalam sektor formal sebanyak 2.4 peratus pada tahun 2023. Sehingga Disember 2023, jumlah penggiat gig mencecah tiga juta orang.

Ekonomi gig membuka ruang dan peluang kepada pelbagai golongan bagi mereka menjana pendapatan sendiri termasuklah golongan berpendapatan rendah dan golongan rentan.

Bahkan, aktiviti ekonomi gig meliputi golongan berkemahiran tinggi, separa mahir dan kurang mahir. Misalnya, penggiat gig sebagai penyunting artikel memerlukan golongan berkemahiran tinggi. Begitu juga penggiat gig melakukan kerja rutin boleh disertai oleh golongan berkemahiran rendah.

Wilayahku meninjau pandangan pekerja gig terkait harapan terhadap Belanjawan 2025. Ikuti apa kata mereka.



“SAYA harap belanjawan kali ini kerajaan memberi fokus terhadap akaun KWSP melalui i-Saraan. Mungkin boleh menaikkan insentif khas sebanyak 15 peratus (%) kepada 20% misalnya.

Turut diharapkan insentif caruman pemula *one-off* RM1,000 daripada kerajaan sebagai galakan selain had insentif seumur hidup dinaikkan.”

KHAIRUNNISA MA'AT
Pelukis grafik



sama kerajaan perlu lebih agresif dalam memastikan produk-produk kraf tangan Malaysia dibawa ke pasaran antarabangsa dengan menyertai pameran-pameran yang sesuai.”

AUNULLAH ZAKWAN MOHAMED
Peniaga dalam talian

“DIHARAPKAN dalam Belanjawan 2025 ini para pemandu e-hailing akan mendapat bantuan khas dari segi perlindungan diri, keselamatan dan kesihatan kerana pekerjaan kami ini terdedah dengan pelbagai risiko dan semoga golongan kami juga mendapat bantuan dari segi kos caj penyelenggaraan kenderaan.

Selain itu, saya amat berharap agar kerajaan memberi perhatian kepada kami kerana ini merupakan sumber pendapatan tetap lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang sukar untuk mendapatkan pekerjaan.”

REMY REZA
Pemandu e-hailing

“SEMOGA golongan pekerja bebas seperti saya ini akan dipandang oleh pihak kerajaan dalam pembentangan bajet yang akan datang di mana saya mengharapkan satu platform khas akan diwujudkan bagi memudahkan kami terutama yang baru ini mencari peluang pekerjaan bersesuaian dengan kebolehan.

Selain itu, mungkin kerajaan boleh menyediakan atau menawarkan ‘kit pemula’ mungkin dari segi peruntukan atau

sebagainya buat mereka yang baru berjinak dalam dunia ini agar dapat membantu memudahkan perjalanan karier kami.

Jika kerajaan dapat meluluskan bantuan kepada pemula, maka lebih mudah untuk golongan ini memulakan kerja kerana masalah kewangan merupakan halangan.”

ODINSON
Pekerja gig



“KERAJAAN diharapkan untuk meneliti dan memperbaiki skim i-Saraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi memastikan kesejahteraan pekerja gig apabila mencapai umur persaraan.

Kerajaan perlu memperluaskan akses kepada skim perlindungan sosial yang komprehensif, seperti KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) secara sukarela atau wajib. Ini akan memberikan kami jaminan kewangan jangka panjang termasuk manfaat seperti insurans kemalangan, perubatan dan faedah hilang upaya.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan bantuan latihan dan peningkatan kemahiran; bantuan subsidi pembaharuan insurans dan cukai jalan; bantuan pinjaman penyelenggaraan kenderaan serta bantuan subsidi telefon bimbit dan pelan Internet.

Diharapkan Belanjawan 2025 dapat memperkenalkan peraturan yang lebih fleksibel, namun masih melindungi hak-hak pekerja. Ini termasuk memastikan majikan dalam ekonomi gig bertanggungjawab menyediakan manfaat asas kepada pekerja.

Saya menaruh keyakinan terhadap Kerajaan MADANI untuk membantu kebajikan penggiat industri gig di negara ini menerusi peruntukan yang sesuai dalam Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober ini.”

HIDAYAT HAMIDON
Pemandu e-hailing



“SAYA mencadangkan agar kerajaan mengekalkan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO dalam Belanjawan 2025.

Sebelum ini, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Skim Mobilepreneur Pinjaman Motosikal Tanpa Faedah kepada penghantar p-hailing melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional. Kami berharap inisiatif ini akan diteruskan.

Saya juga mengharapkan agar kerajaan memperluaskan lagi program *upskilling*

dan *reskilling* (peningkatan kemahiran dan penggantian kemahiran) bagi membantu pekerja gig meningkatkan kemahiran serta membuka peluang pekerjaan yang lebih baik.”

MUHAMMAD HAZIQ FAWWAZ MD HARRIS
Penunggang p-hailing

“KERAJAAN perlu membantu menubuhkan Koperasi Pekerja Gig di mana kemudahan asas seperti pinjaman kenderaan, kebajikan dan pembelaan ke atas sektor ini dapat disalurkan secara rasmi oleh kerajaan.

Kelompok besar anak muda dalam ekonomi ini boleh dijadikan sebagai ruang

memberdayakan ‘social mobility’ dengan memberi peluang kepada mereka melanjutkan pelajaran melalui biasiswa khas.

Sekurang-kurangnya dengan bantuan yang disalurkan mampu membawa pulangan yang besar kepada negara pada masa hadapan.”

MUHAMMAD RAIHAN JUMALI
Penunggang p-hailing



“BELANJAWAN 2025 diharap terus menyediakan sokongan yang kuat kepada ekonomi gig dengan dasar mesra perniagaan dan menawarkan inisiatif peningkatan kemahiran melalui Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).



Kami berharap agar inisiatif seperti TVET akan membantu pekerja gig meningkatkan kemahiran mereka dan menghadapi

masa depan yang lebih cerah.

Dalam keadaan ekonomi hari ini, tidak dinafikan kemahiran merupakan salah satu bidang yang dapat memberi pulangan gaji yang lumayan.”

AZIZI ATHMAN
Penunggang p-hailing

“KERAJAAN diharap dapat mempercepatkan penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM) bagi memastikan penyusunan dan pengawalseliaan ekosistem industri gig dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Inisiatif ini penting untuk menjamin masa depan golongan yang terlibat dalam industri gig seperti pemandu e-hailing, penghantar p-hailing serta mereka yang bekerja sendiri.

Kita berdepan dengan kelemahan perundangan sedia ada khususnya dari segi penguatkuasaan, jaminan keselamatan, kebajikan, pendapatan dan masa depan pemandu e-hailing, penghantar p-hailing serta pekerja bebas.

Penubuhan SEGIM akan membolehkan kerajaan menangani isu lambakan syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing (EHO) dan p-hailing (PHO) yang menyebabkan persaingan tidak sihat sekali gus menjejaskan pendapatan pemandu dan penghantar yang terlibat.”

MUHAMMAD IRFAN MOHAMMAD AZAM
Penunggang p-hailing



perjalanan jauh lebih 200 kilometer (km) sehari.

Dalam masa sama, saya turut berterima kasih kepada kerajaan berusaha untuk memperkasakan ekonomi gig.”

NOR ASIKIN HASSAN
Pemandu e-hailing

“SEBAGAI peniaga dan penggiat kraf tangan, saya berharap agar mendapat pengecualian cukai 10 peratus yang dikenakan pada barangan yang dibeli secara atas talian dari luar negara. Selain itu, selaku penggiat barangan kulit (*leather*), saya harap kerajaan memberi fokus yang lebih kepada program atau latihan kemahiran.

Dalam masa



Belanjawan 2025

PERTIMBANG HAK KESATUAN

METRA SYAHRIL MOHAMED

KERAJAAN perlu mempertimbangkan cadangan aktivis-aktivis atau persatuan pekerja sektor gig untuk hak kesatuan (union) agar suara mereka dapat diangkat sama seperti pertubuhan-pertubuhan pekerja lain.

Ketua Aktivis Gabungan eHailing Malaysia (GEM), **Jose Rizal** berkata ini kerana mereka tiada wakil untuk menyuarakan pandangan atau berunding dengan kerajaan seperti kesatuan yang ada di dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC).

Beliau memberitahu, ini kerana sektor gig adalah sektor masa depan yang perlu dipandang serius semua pihak.

“Melalui suatu akta baharu yang akan dibentangkan kerajaan di Parlimen tidak lama lagi berkaitan pekerja gig, empat perkara dimaktubkan iaitu penetapan kadar upah, penyelesaian pertikaian atau pengurusan kilanan, perlindungan

sosial serta keselamatan dan kesihatan pekerja.

“Perkara kelima iaitu hak kesatuan, itu memang kita tuntut kerana suara kami tiada dalam NLAC. Kita kena ada wakil di dalamnya,” katanya kepada Wilayahku.

Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata Rang Undang-Undang berkaitan kebajikan pekerja gig dijangka dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen ke-15 yang berlangsung sehingga

Disember ini.

Beliau berkata penggubalan akta itu perlu dibuat berikutan hanya kira-kira 250,000 daripada 1.16 juta pekerja gig di negara ini yang mencarum di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kerajaan juga memutuskan penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig secara formal yang diletakkan



JOSE RIZAL



SETAKAT ini terdapat lebih 200,000 penghantar p-hailing yang berdaftar di seluruh negara. - Gambar hiasan

di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Suruhanjaya itu tidak hanya meliputi pekerja e-hailing dan p-hailing semata-mata tetapi meliputi pekerja separa masa dan separa profesional yang termasuk

di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Ekonomi gig di Malaysia mengalami perkembangan dan kepelbagaian yang pesat merangkumi pelbagai industri dan

sektor selain daripada e-hailing dan p-hailing seperti penjagaan kesihatan, automotif, perkhidmatan domestik serta perkhidmatan kreatif dan profesional.

Sehingga tahun lepas, terdapat lebih 140 platform ekonomi gig yang disahkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) (sebelum Kementerian itu dipisahkan) sejak 2014.

Menurut MDEC, dianggarkan sebanyak 1.12 juta individu menyertai pekerjaan gig untuk menjana pendapatan sama ada secara sampingan atau sumber tetap pada 2022.

Mengulas lanjut, Jose berkata jika wakil pekerja gig atau kesatuan tiada di dalam NLAC, siapa lagi yang boleh diharapkan untuk membawa suara atau memperjuangkan nasib golongan itu.

“Kita ada aspirasi kita sendiri, jadi kerajaan kena iktiraf kita sebagai perwakilan,” katanya.

Dalam pada itu beliau mengalu-alukan usaha kerajaan untuk membentangkan suatu akta baharu yang berkaitan dengan pekerja gig.



Lulus RUU untuk SEGiM

KERAJAAN diharap membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) untuk pekerja gig pada sidang Parlimen yang sedang berlangsung supaya Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM) dapat ditubuhkan.

Pengerusi Sekretariat Kesatuan Sekerja dan Ekonomi Gig, **Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin** berharap RUU itu akan diluluskan dan mendapat sokongan daripada semua Ahli Parlimen.

“Saya difahamkan bahawa sidang Parlimen kali ini kita akan membawa satu RUU iaitu untuk pekerja atau penggiat GiG.

“Dengan lulus RUU tersebut, kita akan menubuhkan RUU ini. RUU itu akan dibawa Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Selagi tak lulus, selagi itu tak boleh tubuh SEGIM,” katanya.

Sementara itu, Sharkar berkata perkara tersebut diharap termasuk dalam pengumuman yang bakal dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober (Jumaat).

Beliau berkata inisiatif itu penting

bagi menjamin masa depan golongan yang terbabit dalam industri gig seperti pemandu e-hailing dan penghantar p-hailing.

“Kita berharap di dalam Belanjawan 2025, Perdana Menteri akan selitkan tentang bajet untuk keperluan GiG seperti skim insurans dan subsidi.

“Bajet untuk latihan seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini membolehkan mereka berhijrah ke pekerjaan baru yang lebih tetap dari segi pendapatan,” katanya.

P-hailing bermaksud perkhidmatan penghantaran menggunakan kenderaan bermotor, terutamanya motosikal untuk menghantar barangan seperti makanan, dokumen atau bungkusan manakala e-hailing ialah perkhidmatan menempah kenderaan

atau teksi melalui aplikasi mudah alih atau platform dalam talian.

Terdapat lebih daripada 200,000 penghantar p-hailing yang berdaftar di seluruh negara.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (Penghantar), **Abdul Hakim**



MOHD SHARKAR



ABDUL HAKIM

Abdul Rani berkata penubuhan SEGIM adalah satu perkara yang amat penting untuk direalisasikan bagi kerajaan.

Beliau berkata ini termasuk dengan menstruktur semula dan seterusnya mengawal selia keseluruhan ekosistem industri gig di Malaysia iaitu sektor e-hailing dan p-hailing.

“Umum mengetahui industri gig adalah unik kerana ia melibatkan beberapa kementerian dan agensi kerajaan.

“Sudah pasti pihak kerajaan perlu mewujudkan satu badan kawal selia khusus bagi menghimpunkan setiap kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat,” katanya.

Menurut Hakim, satu akta dan dasar serta perundangan yang benar-benar adil, melibatkan pemegang-pemegang taruh yang terlibat diperlukan.

Beliau berkata pastinya pihaknya tidak mahu perundangan e-hailing yang diwujudkan pada tahun 2018 yang sehingga kini terbukti tidak dapat membela rakan-rakan pemandu e-hailing secara keseluruhannya.

Katanya, diharapkan SEGIM dapat menutup kelemahan-kelemahan yang selama ini berlaku dalam industri gig.

“Sebagai contoh persaingan yang tidak sihat di antara syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing dan p-hailing, yang akhirnya menjadi mangsa percaturan perniagaan di antara mereka,” katanya.

Perkukuh Program GLOW

KERAJAAN perlu memperkukuh inisiatif sedia ada yang telah diwujudkan di bawah Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) iaitu Tenaga Kerja Dalam Talian Global (GLOW) bagi mengembangkan sektor ekonomi gig.

Penganalisis Ekonomi, Putra Business School, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata kerajaan juga cuma perlu menambah baik Akta Kerja 1955 untuk memastikan kebajikan pekerja sektor itu terpelihara.

“Pendapat saya mungkin tak perlu wujudkan suruhanjaya dan akta berkaitan.

“Bagi saya lebih kepada memperkukuh program kerajaan sedia ada dan menambah baik akta yang memastikan kebajikan pekerja,” katanya kepada Wilayahku.

GLOW dilaksanakan MDEC sejak 2016 bertujuan mengasah kemahiran dan pengetahuan rakyat terutama kepada yang

diberhentikan kerja, dipotong gaji dan graduan yang menganggur.

Mereka dilatih sehingga berjaya menjadi pekerja bebas digital di platform tempatan dan antarabangsa.

Menerusi program GLOW, MDEC telah membantu seramai 105,390 peserta dan menjana pendapatan sehingga RM282.76 juta sehingga akhir tahun lepas.

Beliau berkata walaupun sektor gig kelihatan bersifat sementara terutamanya untuk p-hailing dan e-hailing, ada banyak lagi peluang di bawah sektor itu yang perlu diperkasakan.

“Ia seperti menawarkan perkhidmatan pengaturcaraan, reka bentuk, karya kreatif, perundingan

dan pelbagai lagi bentuk perkhidmatan dalam talian dan pasarannya adalah global,” katanya.

Katanya, ia adalah lebih mampan dan mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada pekerja tersebut.



AHMED RAZMAN

Isu kapal perang China berlabuh

NEGARA AMAL DASAR BAIK

KECOH baru-baru ini diperkatakan di laman sosial tentang sambutan Kerajaan Pulau Pinang untuk kelasi dan Kadet Kapal Tentera Laut Republik Rakyat China (RRC) yang didakwa di luar norma kebiasaan.

Ada yang mendakwa itu salah satu langkah awal China untuk menakluk Malaysia menerusi Pulau Pinang yang diperintah oleh parti DAP.

Mereka mengatakan, andai kapal kargo adalah perkara biasa, namun bukan satu kebiasaan untuk kapal perang berlabuh melainkan terdapat agenda yang dapat memberi ancaman secara halus tanpa disedari.

Pelbagai spekulasi yang tidak baik berkenaan kedaulatan negara turut diseret oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menimbulkan kekusaran pelbagai pihak.

Tanpa membiarkan pelbagai spekulasi timbul, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia mengamalkan dasar baik dengan semua negara dan membenarkan mana-mana kapal untuk berlabuh kecuali Israel.

Malah kunjungan kapal tentera dari China ke Pelabuhan Pulau Pinang baru-baru ini tidak sepatutnya dijadikan isu yang perlu diperbesarkan.

“Kita mempunyai operasi ketenteraan bersama dalam kawasan kita dengan Amerika Syarikat, China, Singapura, Indonesia dan India. Apa masalahnya?”

“Bagi saya tiada masalah, hal ini telah berlaku sejak lama. Kita ingin



KAPAL yang ingin berlabuh di pelabuhan Malaysia dibenarkan kecuali Israel. - Gambar hiasan

menjelaskan bahawa Malaysia mengamalkan dasar baik dengan semua negara. Kapal yang ingin berlabuh di pelabuhan kita akan dibenarkan dari semua negara, tiada kompromi kecuali untuk Israel. Itu adalah dasar yang kita amalkan sekarang, tetapi kini dijadikan isu,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Gabungan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia

(ACCCIM) Ke-78, baru-baru ini.

Anwar berkata dakwaan pihak tertentu bahawa kemasukan kapal perang seolah-olah akan melakukan serangan dan mengambil alih negara tidak sepatutnya berlaku.

Bukan sahaja Anwar, malah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dilaporkan berkata, kunjungan kapal tentera dari China ke Pelabuhan Pulau Pinang adalah perkara biasa dan tidak perlu diperbesarkan.

Mohamad Hasan berkata permohonan berkaitan kunjungan

delegasi China ke sebuah sekolah persendirian di Pulau Pinang juga telah dibuat secara rasmi kepada kementerian berkaitan.

Semoga pencerahan ini dapat menghentikan segala tohmahan yang dilemparkan kepada kerajaan khususnya. Tidak perlu diperbesarkan perkara yang tidak pasti kerana sudah pasti kerajaan terus mempertahankan setiap inci kedaulatan negara dan tidak sesekali bertolak ansur terhadap sebarang ancaman. 

Kanak-kanak dijaga selamat

TERDAPAT dakwaan mengatakan kanak-kanak yang diselamatkan dari rumah kebajikan kendalian syarikat Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terabai.

Malah ada yang mendakwa sebahagian besar kanak-kanak itu bukanlah dalam kalangan keluarga GISBH dan kononnya ‘dikambinghitamkan’ bagi memenuhi hasrat kerajaan mahu menjatuhkan ekonomi umat Islam.

Bukan itu sahaja, ada yang menuduh, kanak-kanak yang dijaga JKM itu sengaja dipisahkan daripada ibu bapanya yang bukan ahli GISBH.

Menjawab tuduhan yang dilemparkan, Pengarah Bahagian Kanak-Kanak JKM, Dr Sopian Ibrahim berkata kanak-kanak tersebut ditempatkan di rumah perlindungan JKM di seluruh negara.

“Kanak-kanak (anak ahli GISBH) dijaga dengan baik seperti mana kenyataan menteri sebelum ini.

“Insya-Allah, kita (JKM) mengikut prosedur perundangan ditetapkan



PERINCIAN lanjut berhubung kanak-kanak terbabit diberikan oleh Nancy. - Gambar hiasan

yang perlu kita akur. Mereka ada di institusi kita yang sudah digazetkan sebagai tempat selamat,” katanya dalam sidang media baru-baru ini.

Beliau berkata perincian lanjut berhubung kanak-kanak terbabit diberikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga

dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy dilaporkan berkata, segelintir daripada kanak-kanak yang diselamatkan didapati tidak mempunyai kad pengenalan diri serta mengaku tidak pernah berjumpa dengan ibu bapa atau keluarga.

Beliau menegaskan pihaknya tidak mempunyai niat untuk memisahkan kanak-kanak berkenaan daripada ibu bapa mereka dan langkah yang diambil ini adalah mengikut lunas undang-undang.

Beliau berkata daripada 660 kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global, seramai 559 mendapat perintah mahkamah untuk mendapat penjagaan dan perlindungan di bawah JKM bermula Oktober hingga Disember ini.

Terdahulu, media melaporkan JKM bersedia menyerahkan kanak-kanak dikaitkan dengan GISBH kepada ibu bapa masing-masing sekiranya penjaga mengemukakan kepada mahkamah dokumen pengesahan seperti surat beranak dan kad pengenalan diri. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

19/10/24: Extreme Jam 2024 @ Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara

19 - 20/10/24: Gendang Sedunia @ Zepp Kuala Lumpur

24/11/24: 2XU Compression Run 2024 @ Padang Merbok

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

23/10/24: KITA Run Putrajaya @ Kompleks Kejurangan Presint 9

30/11/24: Ultr@ Putrajaya Night Half Marathon @ Anjung Floria

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

20/10/24: Labuan Mental Health 2024 @ Jalan Wawasan

25-27/10/24: Borneo Glamping Artscape 2024 @ Desaland Labuan

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 /**

019-266 5850

SYERLEENA PERJUANG REFORMASI SOSIAL



Sebagai antara Ahli Parlimen wanita, apakah isu-isu nasional yang sering YB suarakan atau perjuangkan di Dewan Rakyat?

Saya aktif menyuarakan isu-isu hak asasi manusia, kesejahteraan wanita dan kanak-kanak serta reformasi sosial. Ia penting dalam membentuk masyarakat yang lebih adil dan saksama. Perhatian juga perlu diberikan kepada pendidikan dan kebajikan sosial kerana setiap rakyat berhak mendapat akses sewajarnya kepada peluang dan perkhidmatan berkualiti.

Pendidikan sentiasa menjadi asas utama dalam kehidupan saya. Ayah saya guru dan ibu pula pensyarah, yang mengajar saya pendidikan bukan sekadar menimba ilmu pengetahuan tetapi memupuk rasa ingin tahu, pemikiran kritis dan keyakinan untuk meneroka idea baharu. Melalui pekerjaan mereka saya menyaksikan bagaimana pendidikan dapat mengubah kehidupan.

Dedikasi mereka menginspirasi saya untuk menghargai kuasa pendidikan dalam membentuk individu dan komuniti. Pendidikan bukan sahaja mempersiapkan anda untuk kerjaya, hidup, ia membolehkan anda menyumbang secara bermakna kepada masyarakat.

Saya menumpukan perhatian kepada isu-isu kesihatan awam dan persekitaran yang memberi kesan langsung kepada kualiti hidup rakyat. Melalui perbincangan di Dewan Rakyat, saya berusaha memastikan suara mereka didengar dan kebajikan mereka diutamakan dalam sebarang keputusan yang diambil. Dengan semua usaha ini, saya yakin kita dapat bina masyarakat yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Bagaimana pula dengan isu-isu setempat di Parlimen Bukit Bendera?

Parlimen Bukit Bendera adalah unik kerana ia merupakan satu-satunya kawasan pilihan raya yang mempunyai empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), Air Putih, Kebun Bunga, Pulau Tikus dan Tanjung Bungah. Setiap kawasan DUN ini mempunyai karakter tersendiri yang menyumbang kepada kepelbagaian Bukit Bendera dari segi ekonomi, pendidikan dan demografi. Walaupun setiap kawasan menghadapi cabaran tersendiri, baik dari segi infrastruktur, perancangan bandar atau pembangunan komuniti, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang ada serta pasukan mereka sedang melakukan tugas luar biasa dalam memenuhi keperluan rakyat. Mereka terus bekerja tanpa mengenal penat untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk, memastikan keunikan setiap kawasan terpelihara

AHLI Parlimen Bukit Bendera, **SYERLEENA ABDUL RASHID** mula mendaki tangga politik apabila dilantik sebagai Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Kini beliau mendasari isu-isu nasional di Dewan Rakyat dengan mengangkat suara wanita khususnya berkaitan kesejahteraan kaum tersebut. Biarpun berlatabelakangan anak seni, Syerleena tidak kekok bergaul dalam dunia politik. Bersama wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, Yang Berhormat (YB) Syerleena turut berkongsi cerita mengenai cemuhan yang dihadapinya sebelum ini.



SYERLEENA (berdiri, kanan) mengedarkan Jalur Gemilang kepada orang ramai bagi memupuk semangat cintakan negara.

sambil memajukan kemajuan dan pertumbuhan.

Di Parlimen Bukit Bendera, terdapat beberapa isu setempat yang memerlukan perhatian, termasuk infrastruktur, kebersihan dan keselamatan awam. Penduduk memerlukan pembangunan perumahan yang mampu milik dan akses kepada pendidikan berkualiti. Oleh itu, kerjasama antara pihak berkuasa dan masyarakat adalah penting untuk menangani isu-isu ini secara efektif.

Sebagai individu yang berlatabelakangan anak seni, bagaimana YB membentuk ciri-ciri sebagai pemimpin?

Saya memiliki perspektif yang unik dalam kepimpinan. Latar belakang seni mendidik saya tentang pentingnya komunikasi berkesan dan empati terhadap orang lain, membolehkan saya lebih memahami dan mendengar keperluan masyarakat. Pengalaman dalam seni mengajar saya tentang kreativiti dan inovasi yang saya terapkan dalam merangka penyelesaian kepada isu-isu dihadapi rakyat.

Latar belakang seni memberikan kelebihan besar dalam aspek membuat keputusan di peringkat politik. Seni bukan hanya tentang kreativiti, ia melibatkan pemahaman keadaan manusia, membina empati dan menghargai kepelbagaian perspektif. Dalam landskap politik yang menuntut inovasi, pemimpin dengan latar belakang seni secara

semula jadi dilengkapi kelebihan untuk berfikir di luar kotak, mencabar pendekatan tradisional dan membangunkan penyelesaian yang lebih inklusif.

Pemimpin yang mampu mengimbangi elemen pragmatik dan kemanusiaan lebih berkemungkinan mencipta perubahan bermakna.

Pulau Pinang sering dianggap negeri yang dikuasai kaum tertentu. Apakah YB bersetuju dengan anggapan tersebut?

Saya tidak bersetuju dengan anggapan itu. Sebaliknya negeri ini kaya dengan kepelbagaian budaya dan etnik yang hidup bersama secara harmoni. Di Parlimen Bukit Bendera saya berusaha untuk menggalakkan perpaduan kaum melalui pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan semua lapisan masyarakat. Usaha ini bukan sahaja memupuk semangat perpaduan tetapi juga menggalakkan saling memahami antara satu sama lain.

Bagaimana YB mendepani fitnah-fitnah terutama mereka yang mengaitkan YB dengan komunis, liberal dan anti-Islam?

Menghadapi fitnah adalah salah satu cabaran yang lazimnya ditempuh oleh ramai orang dalam politik. Baru-baru ini, saya telah membuat laporan polis berhubung fitnah yang ditaburkan kepada saya oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Tindakan ini

adalah penting untuk mempertahankan nama baik saya dan memastikan bahawa pihak yang terlibat bertanggungjawab atas tindakan mereka. Saya terus fokus pada tugas saya sebagai wakil rakyat dan memastikan bahawa suara masyarakat didengar. Dengan komunikasi yang terbuka dan jujur, saya juga berusaha untuk menjelaskan pendirian saya dan menangkis sebarang fitnah yang timbul.

Malaysia yang macam mana menjadi harapan YB untuk tahun-tahun mendatang ini khususnya dalam era pentadbiran Kerajaan Perpaduan?

Saya berharap untuk melihat Malaysia yang lebih bersatu padu, adil dan sejahtera di masa hadapan. Dalam era Kerajaan Perpaduan, adalah penting untuk semua pihak, tanpa mengira latar belakang, bekerjasama dalam menjayakan pembangunan negara. Saya percaya bahawa kerjasama antara kerajaan dan rakyat adalah kunci untuk menangani isu-isu sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Apakah mudah menjadi YB di Parlimen Bukit Bendera? Apa cabaran-cabaran yang dihadapi YB?

Kerja berpasukan adalah nadi kepada kepimpinan yang berkesan, terutamanya bagi seseorang yang memegang jawatan seperti Ahli

Parlimen. Sebagai Ahli Parlimen, anda tidak bekerja sendirian, tetapi bersama ramai pihak lain yang sama-sama komited untuk berkhidmat kepada masyarakat. Di sinilah letaknya kekuatan sebenar iaitu dalam kolaborasi. Kita bekerja bersama, berkongsi idea dan menghadapi cabaran secara bersatu untuk memberi kesan yang berpanjangan kepada rakyat yang kita wakili.

Kita ambil contoh di Parlimen Bukit Bendera yang unik kerana mempunyai empat kawasan DUN, Air Putih, Kebun Bunga, Pulau Tikus dan Tanjung Bungah, masing-masing dengan keperluan, kebimbangan dan matlamat tersendiri. ADUN-ADUN di kawasan ini ibarat rakan sepasukan yang bekerja di lapangan, berhubung dengan masyarakat dan menyelesaikan masalah dalam komuniti mereka. Hubungan antara seorang Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN ini bukan sahaja penting tetapi sangat kritikal. Kami saling bergantung untuk memastikan setiap sudut kawasan Parlimen ini diberi perhatian yang sewajarnya.

Kerusi-kerusi DUN di bawah Parlimen Bukit Bendera diisi pemimpin-pemimpin ternama dan senior termasuk YB Lim Guan Eng. Sudah tentu YB mendapat 'kritikan' tertentu daripada pemimpin senior terbabit?

Kritikan adalah sebahagian daripada proses pembelajaran dalam politik. Saya menghargai pandangan dan nasihat daripada mana-mana pemimpin senior seperti YB Lim Guan Eng, kerana mereka memiliki pengalaman yang luas. Setiap pandangan memberikan saya peluang untuk memperbaiki diri dan menyesuaikan pendekatan saya bagi memenuhi harapan rakyat.

Perjalanan saya bermula sebagai seorang Ahli Majlis kemudian menjadi ADUN dan kini sebagai Ahli Parlimen, telah membentuk cara saya melihat dan memahami setiap tahap pentadbiran. Setiap langkah dalam perjalanan ini adalah pengalaman yang membuka mata dan mendalamkan hubungan saya dengan masyarakat yang saya wakili.

Ketika saya memulakan kerjaya sebagai Ahli Majlis, saya terlibat secara langsung dalam kehidupan seharian rakyat. Saya mengurus isu-isu seperti pembaikan infrastruktur tempatan, peningkatan perkhidmatan awam dan memastikan kawasan kejiranan berkembang dengan baik. Pengalaman ini memberi saya peluang untuk memahami apa yang paling penting bagi penduduk. Belajar untuk mendengar, benar-benar mendengar dan berada di sana untuk membantu masyarakat ketika mereka memerlukan bantuan adalah pelajaran berharga yang saya bawa bersama. 🇲🇾

Sambutan Hari Warga Emas WP Kuala Lumpur

BERI KESEDARAN FENOMENA PENUAAN

METRA SYAHRIL MOHAMED

BERSEMPENA sambutan Hari Warga Emas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan rakan strategik menjayakan Program Advokasi Kasih & Budi bagi menyantuni warga emas.

Diadakan di Institut DBKL Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, perasmian program berkenaan disempurnakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad.

Selain DBKL, program berkenaan turut mendapat sokongan Jabatan Kesihatan serta Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan badan korporat lain.

Dalam ucapan perasmiannya, Noraini berkata program tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada semua pihak terhadap fenomena penuaan dan menyemai sikap saling mengasihi antara pelbagai lapisan masyarakat.

Katanya, tanggungjawab menyantuni warga emas



ANTARA aktiviti yang diadakan sempena Sambutan Hari Warga Emas di Institut DBKL.

adalah tanggungjawab semua demi kesejahteraan golongan tersebut.

“Penuaan produktiviti memberi peluang kepada warga emas untuk menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai perspektif termasuk aktiviti kerjaya,” katanya.

Beliau turut merujuk

kepada unjuran dibuat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2009 yang menyatakan Malaysia akan mencapai status negara menua 2030.

Justeru katanya, program advokasi ini merupakan satu inisiatif yang menarik dalam usaha memupuk kesedaran mengenai isu dan cabaran

penuaan.

Hadir sama Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ahmad Ibnu Sina Termizi dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed.



PENTAS Seni Merdeka hidupkan budaya di ibu kota.

KL destinasi kreatif

PENTAS Seni Merdeka kini kembali untuk tahun ketiga dalam usaha menghidupkan semangat sejarah dan budaya di Kawasan Warisan Dataran Merdeka.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata program tersebut bertujuan untuk mentransformasi Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan mengaktifkan ruang awam dan menyeralhkan sebagai destinasi kreatif.

“Kuala Lumpur mempunyai potensi besar untuk diiktiraf sebagai Bandar Kreatif UNESCO. Program seperti Pentas Seni Merdeka merupakan contoh nyata bagaimana kita boleh memperkukuhkan kedudukan bandar ini di peringkat nasional dan antarabangsa, menjadikannya destinasi kreatif yang diiktiraf.

“Dengan usaha berterusan ini, kita akan terus mengetengahkan ibu kota Kuala Lumpur, bertepatan dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026,” katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Think City, Datuk Hamdan Abdul Majeed berkata sebagai sebahagian daripada Festival Kreatif KL, inisiatif ini antara hasil positif Memorandum Persefahaman (MoU) antara Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), selaras dengan Pelan Induk Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur serta Kerangka Ekonomi MADANI.

“Pentas Seni Merdeka, sebahagian daripada Festival Kreatif KL, bukan sahaja menghidupkan ruang awam dan warisan sejarah, tetapi juga membuka lebih 500 peluang pekerjaan dalam industri kreatif. Dengan lebih 100 acara di lima presint utama pusat bandar, termasuk Presint Sivik, Segi Tiga Warisan, Jalan Peruncitan Tradisional, festival ini terus mengukuhkan Kuala Lumpur sebagai destinasi kreatif.

“Menerusi program ini, ia menampilkan persembahan tradisional Adiguru atau Tokoh Seni tempatan serta serantau kepada khalayak ramai. Dalam edisi tahun ini, Ronggeng Melayu, seni tarian tradisional yang lahir daripada pertembungan budaya di Selat Melaka, menjadi tumpuan utama.

“Persembahan ini dipersembahkan oleh Nusantara Performing Arts Research Centre (NusPARC) dan Nyala Dance Theatre, bersama penari berbakat tempatan.

“Selain itu, pentas dimeriahkan dengan persembahan oleh Kombo Budaya DBKL, Artis Budaya DBKL dan Artis Tari Kanak-Kanak DBKL, diserikan dengan penampilan istimewa penyanyi Syura serta hos popular DJ Sonic Hussein,” ujarnya.

Dalam pada itu, Hamdan berkata kerjasama antara Think City, DBKL, Kementerian Kewangan dan rakan strategik telah membawa impak positif yang ketara dan beliau yakin lebih banyak kejayaan boleh dicapai bersama.

Untuk rekod, Pentas Seni Merdeka dibawa oleh Think City dan DBKL dengan sokongan Kementerian Kewangan serta Yayasan Hasanah dan akan diteruskan pada 9 November 2024, menampilkan Tarian Branyo & Malio, dengan kerjasama PUSAKA. Untuk program penuh dan butiran acara, layari kreatifkl.com.

Tindakan roboh gerai haram

BEBERAPA buah gerai di Parlimen Bandar Tun Razak dirobohkan selepas mendapati premis tersebut dibina tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata menerusi Jabatan Penguatkuasaan, Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal menjalankan tindakan roboh struktur tempat cuci kereta dan gerai haram di sekitar Jalan 2/154 Taman Bukit Anggerik dan Jalan 40/154 Taman Dahlia.

“Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL melaksanakan empat tindakan roboh struktur membabitkan struktur *car wash* dan gerai haram yang dibina tanpa kebenaran DBKL menerusi peruntukan Seksyen 46 Akta Jalan Parit Bangunan 1974 menimbulkan halangan di tempat atau laluan awam.

“Struktur perniagaan



SEKITAR operasi roboh struktur yang dilaksanakan oleh DBKL.

yang dibina tanpa kelulusan telah dikenal pasti sebagai punca gangguan lalu lintas, pencemaran dan masalah keselamatan,” katanya menerusi satu hantaran di laman rasminya baru-baru ini.

Tambahnya, tindakan ini selaras dengan komitmen DBKL dalam memastikan bandar Kuala Lumpur kekal teratur, selesa dan selamat untuk semua.

Dalam perkembangan lain, DBKL turut melaksanakan tindakan khas terhadap

penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan (berdasarkan video tular di media sosial) di sekitar Jalan Thambipillay, Brickfields pada 9 Oktober 2024.

“Dalam operasi tersebut, sebanyak dua tindakan sita telah dilaksanakan ke atas semua barangan perniagaan yang digunakan oleh warga asing tersebut. Walau bagaimanapun, warga asing tersebut berjaya melarikan diri.

“Tindakan diambil di

bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Pengesyoran pembatalan lesen perniagaan juga telah dipanjangkan ke Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan untuk tindakan selanjutnya,” katanya operasi tersebut dijalankan oleh DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Bukit Bintang.

Kesemua barangan yang diambil tindakan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan. Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>.

“Siasatan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” ujarnya.



PESERTA mengambil peluang melakukan saringan kesihatan sepanjang program berlangsung.

Jaga kesihatan reproduktif

KIRA-KIRA 500 pelajar Universiti Malaya (UM) menyertai Program Kesedaran Kesihatan Reproduksi UM 2024 yang diadakan bersempena Sambutan Hari Kesihatan Seksual Sedunia (World Sexual Health Day) baru-baru ini.

Ia disambut setiap tahun dengan matlamat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan seksual dan reproduktif dalam kalangan masyarakat.

Pengarah Klinik UM, **Dr Zuraidah Mohamed** berkata menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih satu juta jangkitan penyakit kelamin dikesan setiap hari di seluruh dunia menjadikan kesedaran tentang penjagaan kesihatan seksual semakin kritikal.

"Justeru itu, kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan reproduktif boleh membantu mengurangkan penyebaran penyakit seksual seperti HIV/AIDS serta jangkitan kelamin lain.

"Peningkatan kesedaran dan akses kepada maklumat ini boleh membantu mencapai Sasaran Pembangunan Mampan (SDG) 3.3, yang bertujuan menamatkan wabak HIV dan mengawal penyakit berjangkit lain seperti Hepatitis dan malaria.

"Lebih 500 pelajar menyertai pelbagai aktiviti sepanjang

program, termasuk ceramah kesihatan, pameran interaktif, sesi konsultasi peribadi dan pemeriksaan kesihatan," katanya dalam satu kenyataan media.

Zuraidah berkata program kesedaran ini menyediakan maklumat penting tentang pelbagai aspek kesihatan seksual dan reproduktif seperti perancangan keluarga, pendidikan seks serta pencegahan penyakit kelamin.

"Ini selari dengan SDG 3.7, yang menyeru akses universal kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif.

"Dengan adanya program seperti ini, lebih ramai individu akan berupaya membuat keputusan yang lebih baik berkaitan dengan kesihatan mereka," ujarnya.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik di Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC), Affan Nasaruddin berkata program tersebut disambut baik oleh para pelajar dan telah membantu membuka mata mereka.

Terdahulu, program tersebut merupakan anjuran Klinik UM dengan sokongan pelbagai pihak seperti pelajar-pelajar Pusat Asasi Sains UM, Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai serta Pusat Pembangunan Lestari UM dan telah diadakan di Auditorium Kompleks Perdana Siswa. 

13 pelajar berjaya tamat kursus TVET YWP TAJA KOS RM170,000

DIANA AMIR

KURSUS Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui tajaan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah berjaya membantu belia-belia Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur dan dari kampung-kampung di Labuan menamatkan kursus Sijil Gas Pipe Fitting baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed** berkata terdapat 13 pelatih yang berjaya menamatkan latihan dan lulus penilaian baru-baru ini dan dianugerahkan Sijil Kecekapan Kemahiran CIDB yang mengiktiraf mereka sebagai pekerja mahir yang seterusnya diberi penempatan kerja.

"YWP telah bekerjasama dengan Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara untuk memberikan kursus kemahiran jangka pendek dalam bidang teknikal dan vokasional.

"Pelatih yang mengikuti kursus pensijilan ini akan terjamin dari segi

penempatan kerja dengan pelbagai agensi yang berkaitan," katanya pada Majlis Sesi Penyerahan Sijil Tamat Kursus Akademi Binaan Malaysia (ABM) baru-baru ini.

Abdul Basir berkata YWP sedia maklum bahawa TVET digariskan sebagai 'Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju' yang bermatlamat menghasilkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk berjaya dalam ekonomi global.

"Bagi pihak YWP, kami percaya setiap peluang untuk meningkatkan taraf hidup khususnya melalui pendidikan, jika tidak dibantu atau disokong akan menyukarkan perjalanan seseorang itu untuk mencapai kejayaan.

"YWP telah menanggung kos perbelanjaan sebanyak RM170,000 meliputi tajaan kursus kemahiran, teknikal, vokasional dan logistik pada kali ini.

"Ini menunjukkan komitmen kami dalam memberikan peluang

kepada warga Wilayah Persekutuan untuk mendapatkan pendidikan dan latihan yang berkualiti," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Basir turut merakamkan penghargaan kepada tenaga pengajar dari ABM yang telah memberikan dedikasi dan komitmen yang luar biasa dalam membimbing pelatih sepanjang kursus ini.

"Tanpa bimbingan dan sokongan anda semua, kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus dan semoga cemerlang di tempat kerja baru anda. Semoga dengan kejayaan ini akan menjadi pemangkin semangat untuk menaik taraf kehidupan anda dan keluarga," ujarnya.

Terdahulu, seramai 13 pelatih tajaan YWP telah diraikan dalam Sesi Penyerahan Sijil Tamat Kursus Akademi ABM bertempat di ABM Wilayah Utara pada 10 Oktober 2024. 



ANTARA barisan peserta yang berjaya menamatkan latihan di bawah TVET YWP.

Bantu baiki taraf hidup mahasiswa universiti

SERAMAI 5,000 mahasiswa teruja menghadiri sesi *In-person with Doc Zam* yang diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, **Profesor Dr Mohd Sazili Sahibi** berkata pihaknya berbesar hati menerima kunjungan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Abdul Kadir dalam sesi tersebut bersempena Minggu Destini Siswa dan menyantuni para mahasiswa dalam usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenali mahasiswa dengan lebih mendalam.

"Sesi interaksi ini membawa seribu satu tauladan kepada mahasiswa terutamanya kepada mereka yang pertama kali menjejaskan kaki ke menara gading. Dalam ucapan beliau, Datuk Seri Zambray atau lebih mesra dikenali sebagai Doc Zam, berkongsi mengenai kisah hidup beliau yang berasal dari sebuah keluarga nelayan di Perak.

"Namun berkat keazaman dan kesungguhannya, beliau berjaya meneruskan pelajaran ke Amerika Syarikat dan memperoleh segenggam ijazah doktor falsafah (PhD). Beliau juga turut berkongsi

kepada mahasiswa bahawa kesukaran yang dihadapinya ketika di usia muda menjadi pemangkin kejayaannya dan para mahasiswa juga seharusnya mengambil cabaran dan dugaan sebagai batu loncatan ke arah kejayaan," katanya seramai 40,000 mahasiswa dari semua kampus cawangan UiTM turut mengikuti sesi tersebut secara siaran langsung.

Mohd Sazili berkata daripada persepsi seorang mahasiswa, perkongsian Doc Zam mengenai kisah hidup beliau amatlah relevan dengan kehendak zaman.

"Pemikiran dan aura positif

sangatlah penting dalam menangani sebarang masalah. Mengingati Allah SWT dalam semua keadaan amat membantu dalam meningkatkan semangat kerohanian dan membina kekuatan mental untuk mengatasi cabaran yang dihadapi. Beliau juga turut menggalakkan mahasiswa untuk mengejar cita-cita mereka dengan moto *never say die* meskipun terdapat halangan atau kekangan seperti kekangan kewangan dan sebagainya kerana 'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan,' ujarnya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, penglibatan KPT

dalam usaha membantu pelajar yang memerlukan amat penting untuk memperbaiki taraf hidup mahasiswa.

"Misalnya, UiTM menghulurkan bantuan kepada pelajar UiTM yang mana ibu bapanya terpaksa menggadaikan tanah demi membayar yuran pengajian. Justeru, mahasiswa akan lebih yakin terhadap keprihatinan KPT dan komitmen UiTM dalam membantu mahasiswa, khususnya mereka yang berasal dari kawasan luar bandar, untuk menuntut ilmu dan mengubah taraf hidup mereka melalui ilmu," jelasnya. 



KU SEMAN KU HUSSAIN

KEPADA pendatang baharu di Kuala Lumpur, saya percaya mereka bukan sahaja terpesona dengan bangunan yang tinggi mencakar awan, pusat membeli-belah yang besar dan moden, malah terhadap sesetengah dalam kalangan warganya yang pelik dan unik.

Perkara seperti itu pernah berlaku kepada saya ketika baru menjejak kaki ke Kuala Lumpur 40 tahun lalu. Bagaimanapun saya diam sahaja kerana bimbang dikatakan 'rusa masuk kampung.' Buat macam biasa sahaja sekalipun amat terkejut dengan segerombolan anak muda berambut fesyen ala trojan, penuh tindik di kening dan mata yang bercelak hitam.

Dalam diam saya mencari jawapan tentang segerombolan anak muda yang pelik itu. Tentulah mustahil kalau hendak dikatakan makhluk dari planet lain. Mereka juga minum teh tarik dan makan nasi lemak seperti saya, hanya penampilan sahaja yang amat berbeza.

Itu adalah budak-budak punk zaman 1980-an yang tampil amat yakin dengan kepelikan dan keanehan. Budak-budak itu mendokong idealisme punk yang kononnya menentang penindasan dan sistem yang korup. Bagaimanapun hakikatnya mereka mendokong gaya hidup yang berteraskan seks bebas, alkohol dan sebahagian daripadanya mengambil dadah.

Banyak yang tidak sanggup menggayakan fesyen punk dengan fesyen rambut trojan tercacak macam duri itu. Tetapi itulah subbudaya punk yang sengaja tampil dengan ciri-ciri dan pola fikir yang bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat setempat.

Sebenarnya Kuala Lumpur juga seperti banyak bandar raya lain di dunia yang berdepan dengan kemunculan subbudaya yang mendokong perwatakan, nilai dan



BUDAYA punk adalah subbudaya yang bermula di New York kemudiannya menjadi popular pada tahun 1977 dalam kalangan remaja. - Gambar hiasan

MEMAHAMI SUBBUDAYA DAN ANAK MUDA

norma yang berlawanan dengan sebahagian besar dalam kalangan masyarakat.

Subbudaya wujud daripada ekspresi ketidakpuasan hati terhadap norma-norma sosial yang ada serta keinginan menyatakan identiti yang berbeza. Golongan yang kerap terperangkap dengan subbudaya itu adalah anak-anak muda yang sedang mencari identiti dan terputus dari akar budaya yang melingkari kehidupan masyarakat setempat.

Kelompok itu hidup dengan penuh ketidakpuasan terhadap sistem sosial, budaya serta memperjuangkan kebebasan hingga terkeluar daripada garis yang diterima banyak dalam masyarakat. Kebebasan mereka tidak berpaksi agama dan budaya masyarakat. Lalu tidak hairanlah

apabila kebebasan itu difahami tidak bersempadan termasuk mengamalkan seks bebas, alkohol dan dadah.

Kuala Lumpur bukan sahaja menjadi lubuk subbudaya punk, malah banyak lagi subbudaya yang datang dari luar antaranya hippies, geek dan goth. Hippies muncul pada tahun 1960-an di Amerika Syarikat (AS). Ditandai kemuncaknya dengan festival muzik Woodstock tahun 1969.

Tetapi awal sebelum itu hippies dikenal sebagai gerakan anak muda yang menentang kapitalisme, materialisme dan penglibatan AS dalam perang di Vietnam. Festival Woodstock tahun 1969 adalah kemuncak kegemilangan hippies yang membawa pesan perdamaian sebagai inti festival tersebut.

PERLU SENTIASA CAKNA

RATUSAN ribu anak muda berkumpul menikmati muzik, seni dan menyalakan perjuangan kebebasan. Mereka menolak konflik bersenjata, menentang ketidakadilan sosial dan menyerukan perubahan yang lebih baik bagi masyarakat di seluruh dunia. Di tengah ketegangan politik dan budaya pada era itu, hippies menjadi suara alternatif yang menyerukan persaudaraan dan kebebasan.

Bagaimanapun disebabkan sifatnya yang menentang norma-norma sosial dan budaya masyarakat, festival Woodstock 1969 juga amat dikenali sebagai medan mempromosi gaya hidup seks bebas, alkohol dan marijuana di sebalik ekspresi seni dan muzik yang menyeru perdamaian.

Semua perihal hippies dipaparkan dengan baik sekali dalam filem Easy Rider (1969) arahan Peter Fonda

dan dilakonkan oleh Peter Fonda sendiri, Dennis Hopper dan Jack Nicholson. Easy Rider sebuah filem *road movie* yang mengambil latar sosial kemuncak subbudaya hippies di AS.

Filem itu bukan sahaja menjadi klasik dalam sejarah filem AS, malah turut bertindak sebagai dokumentasi sosial tentang subbudaya hippies pada masa itu. Easy Rider membawa penonton turut serta dalam perjalanan ikonik, Wyatt dan Billy mencari makna kebebasan, pengembaraan dan kedamaian di tengah-tengah konflik geopolitik dan ketidakadilan sosial.

Subbudaya punk pula tidak hanya sekitar muzik punk, tetapi juga daripada segi pakaian, fesyen rambut, seni visual, malah membawa sikap politik dan pemikiran yang bertentangan dengan institusi atau pihak berkuasa dalam masyarakat.

Kumpulan seperti The Ramones, Sex Pistols, The Clash dan The Dead Kennedys menjadi suri teladan pada subbudaya punk. Mereka menyanyikan lirik yang keras dan kontroversial dengan sikap yang anti-establishment. Dalam hal fesyen pakaian, punk dikenal dengan gaya yang kasar dan provokatif.

Pakaian berwarna gelap, jaket kulit, seluar jeans koyak, kasut but, dan aksesori seperti gelang, rantai dan pin yang menjadi identitinya. Poster punk, seni album, *sticker*, *graffiti* dan *fanzine* merupakan medium ekspresi kreatif daripada para pengikut punk.

Seperti hippies yang melaungkan kebebasan dan hak asasi manusia, punk juga menjadikan seks bebas sebagai salah satu ekspresi kebebasan. Hal yang demikian menjadikan punk tidak pernah selari dengan nilai dan amalan sosial dalam masyarakat.

Pada tahun 2000 dan ke atas, subbudaya hip hop pula mulai mempengaruhi anak muda di Kuala Lumpur dengan gaya berpakaian yang khas, menggemari muzik rap dengan gaya tariannya. Hip hop mengekspresikan diri melalui seni dan muzik serta mengembangkan kreativiti dengan mencipta pengenalan sosial yang unik.

Meskipun demikian, seperti subbudaya lainnya, hip hop juga memiliki sisi yang buruk tewas dengan rasukan konsumerisme yang melampau. Ternyata hip hop tidak sekadar satu aliran muzik, malah mendokong adalah sikap hidup yang ada sesetengahnya bercanggah dengan norma masyarakat.


Kesimpulannya, semua subbudaya membawa idealisme yang baik-baik belaka menentang sistem yang korup, menyalakan kesedaran hak asasi manusia dan memperjuangkan kebebasan berekspresi. Tetapi masa yang sama mendokong gaya hidup seks bebas dan alkohol atas alasan kebebasan peribadi.

Anak muda menjadi golongan yang mudah tergoda dengan idealisme subbudaya yang singgah dalam masyarakat kota harus memahami kesan buruk yang terlindung di sebalik semua itu.

Tidak salah untuk anak muda memperlihatkan cakna terhadap sistem sosial yang korup, rasuah dan sekatan terhadap kebebasan berekspresi si dan bersuara. Bagaimanapun hakikatnya banyak pendokong atau pengikut subbudaya yang singgah itu tidak cakna pada garis-garis sosial dan budaya yang menjadikan sesuatu kebebasan itu sentiasa dipimpin dan bermanfaat kepada masyarakat terbanyak.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 284 . 18 - 24 OKTOBER 2024

Hutbah usia dini

►►10-11



LAHIR 140,000 HUFFAZ CILIK 2026

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

JABATAN Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sentiasa melakukan evolusi dan penambahbaikan terhadap institusi Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) sepanjang 62 tahun penubuhannya demi kecemerlangan pendidikan kanak-kanak di negara ini.

Dengan slogan *Low Cost, High Impact*, KEMAS terus bergerak ke hadapan supaya TABIKA KEMAS sentiasa relevan untuk masyarakat, dikenali dan menjadi yang terbaik.

Bersesuaian dengan peredaran zaman, KEMAS komited memberi yang terbaik untuk anak bangsa dengan melaksanakan pelbagai penambahbaikan dan transformasi di seluruh negara.

Terbaharu, menyedari pendidikan Al-Quran teras utama dalam kemenjadian kanak-kanak yang beragama Islam selain kemahiran sedia ada yang diperlukan, KEMAS memperkenalkan Program Pra Tahfiz.

Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak KEMAS Ibu Pejabat, **Siti Norziana Abdul Karim** berkata TABIKA Pra Tahfiz KEMAS adalah program memperkasakan lagi pendidikan Al-Quran di TABIKA KEMAS seluruh negara.

"Program ini juga memberi nilai tambah kepada modul sedia ada iaitu Modul Penghayatan Islam (PPI) merangkumi aspek pendidikan Al-Quran untuk melahirkan huffaz cilik.

"KEMAS memang sudah ada modul PPI yang dilaksanakan pada tahun 2017 memfokuskan kepada dua iaitu fardhu ain dan pembacaan Al-Quran. Namun menerusi Program Pra Tahfiz ini, ia dapat memperkukuhkan lagi modul yang sedia ada.

"Program ini memfokuskan kepada menghafaz juzuk 30 termasuk surah dalam juzu'amma dan surah pilihan dalam juzuk 30 dengan bacaan (qiraat) adab dan tadabbur.

"Dalam pada itu, program ini juga adalah salah satu *game*

changer dalam memperkasakan pendidikan Al-Quran kepada kanak-kanak seawal usia yang akan memberi fokus kepada 7M iaitu mengaji, menghafaz, membaca, menulis, mengira, menaakul dan manusiawi," ujarnya.

Menurutnya, pembentukan umat penghafaz Al-Quran boleh membawa impak kepada pembangunan modal insan serta kesejahteraan umat Islam keseluruhannya.

Hal ini katanya, bersesuaian dengan objektif Program Pra Tahfiz diperkenalkan yang mana pertama bukan saja mahu menggalakkan jiwa cintai Al-Quran disemaikan di awal usia tetapi mahu anak-anak ini mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

"Program ini diperkenalkan untuk melahirkan lebih ramai huffaz (hafiz dan hafizah) yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu Al-Quran serta pengajian Islam bagi memelihara kesucian Al-Quran sekali gus melahirkan lebih 100,000

huffaz cilik menjelang 2026.

"Di samping itu, ia juga bertujuan menyediakan alternatif kepada ibu bapa untuk mencorak pendidikan anak dalam pendidikan Al-Quran.

"Selain memfokuskan kepada anak-anak, program ini juga memberi kesan berganda kepada ibu bapa kerana secara tidak langsung apabila anak membuat hafazan di rumah, ibu bapa akan terbabit sama. Jika anak-anak sudah pandai dan menghafaz 16 surah dari juzuk 30, ia pasti menjadi cabaran kepada ibu bapa sekali gus mereka akan turut sama menghafaz surah berkenaan," ujarnya.

TINGKAT KUALITI PENDIDIKAN

BELIAU berkata program tersebut merupakan antara Hala Tuju Strategik (HATS) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) tahun 2023 dalam Membangun Modal Insan Desa Secara Komprehensif bagi memperkasakan pendidikan Al-Quran kepada kanak-kanak seawal usia.

"Justeru, dalam pelaksanaan program ini, pengurusan tertinggi KKDW dan KEMAS khususnya Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri KKDW, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melaksanakan kolaborasi dengan Yayasan Pahang.

"Pengisian Modul Pra Tahfiz KEMAS ini merujuk sepenuhnya Modul Hafazan TADIKA Tahfiz Negeri Pahang dengan teknik hafazan dan kaedah pembelajaran secara *fun learning* yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah.

"Memandangkan pelaksanaan

modul bagi program ini juga nilai tambah kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tambahan masa sejam diperlukan bagi melaksanakan aktiviti hafazan seperti terkandung dalam Modul Pra Tahfiz KEMAS berkenaan.

"Justeru, KEMAS akan mengguna pakai modul disediakan oleh pihak Yayasan Pahang merangkumi modul lima dan enam tahun yang dilaksanakan di TABIKA mereka.

"KEMAS dan Yayasan Pahang akan sentiasa mengemas kini modul dan *best practice* dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di kedua-dua institusi pendidikan awal kanak-kanak yang disediakan terutamanya kepada kanak-kanak di desa," ujarnya.

LATIHAN SERTA PEMANTAUAN

DARI segi pelaksanaan dan persediaan guru pula, Siti Norziana berkata pada Julai 2023, seramai 100 orang guru (pendidik masyarakat) telah diberikan pengetahuan, kemahiran dan latihan berkaitan pengisian, teknik hafazan, kaedah pembelajaran hafazan secara *fun learning*, pentaksiran serta pemantapan kemahiran Al-Quran semasa.

"Bagi tahun 2024, seramai 4,145 orang pendidik masyarakat TABIKA KEMAS telah mengikuti Bengkel Saringan Kemahiran Asas Al-Quran bagi Program Pra Tahfiz KEMAS yang telah diadakan sebanyak 105 siri di seluruh Malaysia bertujuan menyaring tahap kemahiran Al-Quran dalam kalangan pendidik masyarakat yang telah dicalonkan

sebelum mengikuti Kursus Modul Hafazan Program Pra Tahfiz KEMAS.

"Latihan tersebut adalah termasuk pemantauan secara berterusan yang akan dilaksanakan bersama Yayasan Pahang bagi memastikan kualiti program dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa," ujar beliau.

Tambahnya, KEMAS turut berkolaborasi dengan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan - PINTA Kebangsaan (Yayasan PINTA) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui kursus lanjutan.

"Dari segi pembacaan pula, kita akan melatih dalam kalangan guru TABIKA KEMAS secara kursus lanjutan. Dengan itu, guru-guru ini juga boleh melatih rakan-rakan guru yang lain. Ini juga membawa kesan berganda yang mana kita boleh memberikan ilmu kemahiran kepada cikgu-cikgu kita," ujarnya.

Terdahulu, program ini menyasarkan 4,145 lagi kelas TABIKA Pra Tahfiz KEMAS melibatkan 62,175 kanak-kanak dengan sasaran 60 peratus kanak-kanak dapat menguasai 20 surah termasuk surah Juz Amma dan surah pilihan yang mampu membaca dan menghafaz sehingga Surah Ad-Dhuha serta bersedia masuk ke tahun satu menjelang akhir sesi persekolahan 2024.

Pada 2016, KEMAS memperkenalkan modul keyakinan diri, modul patriotik dan PPI.

Menerusi modul itu, KEMAS memenangi empat kali Anugerah Trusted Brand of The Year bagi kategori Pusat Pembelajaran Prasekolah Pilihan Pengguna di Malaysia oleh Reader's Digest. 

Projek rintis diperluas

SEBANYAK 120 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) disasar mengikuti Program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS sepanjang tahun 2024.

Menurut Penolong Pengarah Kanan KEMAS Wilayah Persekutuan, **Suzana Idayu Abdul Shukor**, di Wilayah Persekutuan (WP) jumlah keseluruhan TABIKA yang disasarkan pada tahun 2023 selaku projek rintis adalah sebanyak tiga TABIKA.

“Setiap TABIKA melibatkan 15 orang kanak-kanak dan jumlah kanak-kanak yang terlibat bagi program ini pada tahun lalu adalah seramai 45 orang. Tahun ini program diteruskan dengan sasaran sebanyak 120 TABIKA lagi dan silibusnya adalah menghafaz sebanyak 30 surah buat kanak-



SUZANA

kanak berumur lima dan enam tahun,” katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, beliau berkata kanak-kanak berumur lima tahun mempunyai sasaran surah yang berbeza dengan mereka yang berusia enam tahun.

“Bukan semua pelajar akan terlibat dengan program ini. Cikgu akan memilih 15 orang pelajar yang dirasakan berpotensi untuk membaca dan menghafaz surah-surah yang dipilih. Ia juga akan menjadi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) buat para guru.

“Para guru juga telah diberi pendedahan melalui kursus-kursus yang diadakan secara berperingkat sepanjang pelaksanaan program dan hanya mereka yang celik Al-Quran dipilih di mana setiap TABIKA sekurang-kurangnya akan

ada seorang guru bagi program ini.

“Untuk mengetahui keberkesanan program, sebagai contoh mereka yang berusia lima tahun mempunyai sasaran surah tertentu dan ia berbeza dengan kanak-kanak enam tahun, namun kini kita berhadapan dengan cabaran di mana kebanyakan ibu bapa akan memilih untuk menghantar anak mereka ke pra sekolah jadi di situ penilaian kita akan terganggu.

“Kita tidak tahu sejauh mana pelajar itu menghafaz dan sejauh mana objektif program tercapai. Jadi nasihat saya kepada ibu bapa yang anaknya terlibat dalam Program Pra Tahfiz ini adalah untuk kekal sampai tamat sekolah supaya para guru dapat menilai sejauh mana keberkesanan program ini,” ujarnya.

Melalui Belanjawan 2024 lalu, kerajaan memperuntukkan RM20 juta bagi pelaksanaan Program Pra Tahfiz KEMAS. 



Cabaran besar buat guru

MENDIDIK kanak-kanak seawal usia empat hingga enam tahun bukanlah perkara yang mudah apalagi mahu memastikan golongan cilik ini mampu membaca dan menghafaz ayat Al-Quran.

Guru Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), **Hamima Husin** berkata ia merupakan satu cabaran besar buat para guru yang terpilih mengikuti Program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS.

“Sejajar dengan pengumuman baru-baru ini, saya bersama lebih



HAMIMA

4,000 guru yang terpilih telah pun menghadiri kursus pertama selama tiga hari dan didedahkan dengan kaedah hafazan Al-Quran.

“Antaranya dengan menggunakan kaedah *role play* atau penceritaan. Setiap surah ada tafsirannya jadi sebagai guru kita akan ceritakan semula kisah di sebalik setiap surah bagi menarik minat murid-murid untuk mendengar seterusnya menghafaz surah tersebut,” katanya.

Hamima yang bertugas di TABIKA KEMAS Bunga Alamanda, Presint

11, Putrajaya berkata program di tempatnya mengajar mula dilaksanakan pada penghujung Ogos lalu.

“Sehingga Oktober, kanak-kanak terpilih ini telah berjaya menghafaz sebanyak lima surah dan kita dalam proses untuk ke surah seterusnya. Dengan bantuan dan sokongan ibu bapa menjadikan program ini lebih mudah dilaksanakan kerana selain di sekolah, di rumah juga mereka masih meneruskan bacaan.

“Kita peruntukkan dua kali seminggu dan setiap sesi adalah selama satu jam. Selain itu, kita juga dibantu oleh seorang ustaz bagi memperbaiki bacaan anak-anak.

“Keseluruhan surah yang perlu dihafaz menerusi program ini

adalah sebanyak 30 surah namun kita akan lihat kepada kemampuan pelajar itu sendiri sekiranya mereka dapat habiskan dalam tahun ini juga ia adalah satu perkara yang sangat baik.

“Kalau kita tengok para huffaz di luar sana, untuk kelancaran menghafaz, banyak perkara yang perlu dititikberatkan terutama dari segi pemakanan namun di sini kita tak dapat pantau sepenuhnya kerana mereka masih tinggal bersama ibu bapa namun kami melakukan sebaik mungkin agar objektif program tercapai,” jelasnya program tersebut merupakan kerjasama bersama Yayasan Pahang.

Berpengalaman 15 tahun dalam bidang pendidikan, Hamima

percaya program tersebut mampu melahirkan lebih ramai para huffaz pada masa akan datang.

“Di sini kita praktikkan kaedah pembelajaran digital bagi menarik minat anak-anak menghafaz. Ada kala kita akan buka bacaan surah anak-anak dari Indonesia, Arab atau mana-mana yang sedap untuk didengari, jadi anak-anak ini akan rasa seronok untuk ikut baca sekali. Kita juga akan kongsi di dalam kumpulan WhatsApp bersama ibu bapa untuk pembacaan di rumah.

“Selain itu, kaedah kad atau *puzzle* turut digunakan. Selain perlu mencantumkan surah, mereka juga akan mudah untuk mengingat surah yang dibaca,” katanya. 



KANAK-KANAK yang mengikuti program tersebut akan dibimbing oleh guru terlatih.

Ibu bapa beri kerjasama

PENDEDAHAN terhadap hafazan Al-Quran pada usia yang masih muda adalah langkah yang tepat. Ini kerana kanak-kanak berusia tiga hingga enam tahun berada dalam lingkungan usia keemasan (*golden age*) di mana proses perkembangan kanak-kanak ketika itu boleh dianggap ‘luar biasa’.

Menurut salah seorang bapa, **Abdul Halim Mehalip**, program tersebut dapat memberi manfaat buat mereka apabila melangkah ke alam dewasa.

“Program ini membantu memberi keseimbangan dalam akademik awal serta pengenalan



ABDUL HALIM

asas terhadap Al-Quran tambahan pula surah-surah yang dihafaz boleh dipraktikkan dalam solat jadi ia bukanlah perkara yang sia-sia.

“Dalam masa yang sama, diharapkan agar ibu bapa pelajar terlibat dapat memberikan kerjasama yang baik kepada guru-guru,” ujarnya.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi TABIKA KEMAS Bunga Alamanda berkata rata-rata ibu bapa memberikan kerjasama yang sangat baik malah perkembangan anak-anak bagi program ini juga adalah positif. “Saya faham tidak semua ibu

bapa mampu untuk memberi komitmen sepenuhnya namun diharapkan bacaan anak-anak ini dapat dipraktikkan di rumah juga supaya mereka lebih cepat menghafaz.

“Saya percaya banyak kebaikan yang diperoleh dan saya harapkan anak-anak dapat menguasai semua surah-surah yang telah diberikan dengan baik serta memahami tafsiran di sebalik ayat tersebut supaya lebih dekat dengan Al-Quran,” katanya.

Menangkis tanggapan sesetengah masyarakat yang menganggap program tersebut membebankan, Abdul Halim berkata sesi hanya diadakan dua minggu sekali selama satu jam selain ia tidak mengganggu waktu pembelajaran yang asal. 





SYUQQREE DAIN

MUZIK yang berkualiti takkan lekang dek panas, tak lapuk dek hujan. Justeru, Unit Muzik Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekali lagi menampilkan program Karnival KL Ceria 2024. Jika sebelum ini berkonsepkan hiburan tetapi kali ini ia mengetengahkan konsep karnival buat pertama kali.

Bertempat di Astaka Taman Tasik Titiwangsa yang sinonim dengan aktiviti riadah, acara kali keempat pada tahun ini menjadi tumpuan pengunjung yang tidak melepaskan peluang hadir bersama keluarga. Pemilihan lokasi di taman milik DBKL ini merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan ekonomi di lokasi terpilih.

Meskipun cuaca hujan namun aktiviti konsert terbuka yang diadakan secara percuma ini tetap mendapat sambutan. Dalam masa yang sama, program ini juga dapat membantu barisan artis untuk kembali beraksi sekali gus memberi nafas baharu buat mereka. Antaranya Kumpulan Kristal X, Ani Mayuni, Oya Suria, Reloveution, Kombo Orkestra Kuala Lumpur serta ramai lagi.

Karnival KL Ceria 2024 yang berlangsung pada 12 Oktober lalu dari pukul 7 pagi sehingga 7 malam itu sarat dengan pelbagai aktiviti sampingan antaranya pertandingan mewarna, permainan tradisional serta pelbagai aktiviti riadah. Diharapkan program ini terus mendapat sokongan pada masa akan datang.



RAHSIA SUP IKAN PAK MASTOR

KHAIRUL IDIN

SUP merupakan sejenis hidangan yang begitu dekat dengan masyarakat di Borneo termasuklah di Labuan. Antara menu popular yang sering menjadi pilihan pelancong tatkala menjejaskan kaki ke pulau ini adalah sup ikan.

Merupakan juadah sederhana yang mudah disediakan, sup ikan memiliki keenakan tersendiri yang sudah tentunya menjadi pembuka selera kepada sesiapa sahaja.

Dihidangkan bersama bihun atau mee kolok menjadikan ia hidangan yang digemari ramai tidak kira daripada pelbagai peringkat umur dan bangsa.

Jika anda berkunjung ke Labuan, Wilayahku mencadangkan agar singgah sebentar untuk mengelas perut di Restoran Masninah yang terletak di bandar utama.

Pemiliknya, **Mastor Mat Noor**, 63, berkata antara sup yang terdapat di restorannya ialah sup ikan kerisi, sup ikan merah, sup ikan putih dan beberapa pilihan lain lagi.

Berkongsi lanjut, Mastor berkata ramai yang menyangka penyediaan sup tersebut mudah namun di sebaliknya ia memerlukan pengalaman untuk menepati citarasa pelanggan.

"Ramai yang melihat pembuatan dan penyediaan sup ikan ini mudah dan senang ditiru atau sebagainya. Namun penyediaan itu memerlukan ilmu yang tinggi untuk menghasilkan rasa yang lazat.

"Cara penyediaannya hanya menggunakan rempah ratus namun apa yang perlu dititikberatkan ialah dari segi cara memasaknya. Untuk mendapatkan rasa yang lazat, rempah ratus yang digunakan hendak dimasukkan sesudah air sup mendidih.

"Setelah dimasak selama dua jam barulah rempah ratus itu dimasukkan dan dimasak untuk mengelakkan ia hangus dan menjadi hangit," ujarnya yang tidak lokek berkongsi ilmu masakan.

Dia yang merupakan pesara

kerajaan memberitahu, dia pernah belajar cara penyediaan sup ikan daripada tukang masak berbangsa Cina selama dua tahun untuk mendapatkan ilmu tersebut.

"Sup ikan ini merupakan makanan bangsa Cina sebenarnya dan saya melihat makanan tersebut sangat digemari oleh pelbagai bangsa namun tiada orang kita (Islam) yang mengusahakannya.

"Dari situ saya belajar dan setelah itu baru berniaga di pasar malam selama bertahun-tahun sebelum berjaya memiliki restoran sendiri," ujar bapa kepada tujuh orang cahaya mata itu.

IKAN SEGAR JADI PILIHAN

BERCERITA lanjut, Mastor berkata dia turut menggunakan ikan segar yang diperolehinya daripada nelayan tempatan untuk memastikan kualiti sup tersebut terjamin.

Ujarnya satu kelebihan yang ada apabila dia tidak perlu risau terputus bekalan ikan memandangkan ia boleh mendapatkan bekalan terus daripada nelayan.

"Kita di Labuan amat beruntung kerana bekalan ikan segar amat mudah didapati. Sebagai peniaga sudah tentu saya boleh beri jaminan menghasilkan sup terbaik kepada pelanggan.

"Sekurang-kurangnya saya memerlukan 60 kilogram (kg) ikan setiap hari untuk menyediakan sebanyak 200 hingga 500 mangkuk," ujarnya lagi.

Bercerita lanjut keistimewaan restorannya yang kini berusia hampir empat tahun, Mastor berkata rata-rata pelanggan tetapnya datang menikmati sup ikan kerana merupakan satu-



Alamat: **Restoran Masninah, Pusat Bandar WP Labuan**
Nombor telefon: **017-893 1961**
Masa: **7 pagi hingga 6 petang (setiap hari kecuali cuti umum)**

satunya peniaga beragama Islam di pulau itu.

"Bagi saya ini adalah satu ibadah kerana dapat menyediakan hidangan kepada masyarakat Islam yang menitikberatkan tentang kebersihan dan status halal.

"Jika diberi kesempatan rezeki dan usia yang panjang kemudian hari, saya merancang untuk membuka cawangan baharu bagi mengembangkan lagi perniagaan ini," ujarnya yang turut dibantu anak lelakinya. 🇲🇾





ISLAM DI MALAYSIA MEKAR

BARU-BARU ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegur pihak yang membuat tuduhan palsu dengan cerita khayalan kononnya kerajaan mahu mengubah ketetapan Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan. Naratif Islam terancam dan tergugat ini sebenarnya terus dimainkan sekian lama demi mengaut sokongan dan membangkitkan sentimen agama. Seharusnya, perkara ini perlu dihentikan dan naratif yang adil seiring dengan aspirasi dan hasrat kerajaan diketengah dan diarusperdanakan. Setelah dua tahun Kerajaan Perpaduan memegang tampuk pemerintahan, Islam bukan sahaja tidak terancam dan tidak tergugat malahan terus subur dan mekar di Malaysia.

Dalam konteks Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI 2023-2027 atau dikenali sebagai Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) menjadi antara dokumen penting memacu perubahan dan pemerkasaan agenda hal ehwal Islam. PTF menetapkan hala tuju 14 agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) secara terancang dan bersasar bagi mencapai objektif dan sasaran untuk tempoh lima tahun selaras dengan visi untuk menjadi peneraju pengurusan hal ehwal Islam dan kesejahteraan Malaysia MADANI.

Bagi merealisasikan agenda transformasi ini, seluruh 14 agensi di bawah Hal Ehwal Agama akan bergerak seiring melaksanakan keseluruhan PTF secara kolektif. Selain itu Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri serta Exco Agama di negeri-negeri juga memainkan peranan masing-masing menguruskan Hal Ehwal Agama dan bersama-sama melaksanakan perubahan selain dibantu oleh jentera kerajaan negeri masing-masing.

Kesalahfahaman ramai mengenai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan agensi-agensi di bawah Hal Ehwal Agama perlu diperbetulkan. JAKIM bukan satu-satunya agensi yang

dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Hal Ehwal Agama di peringkat Persekutuan tetapi ia melibatkan 13 agensi lain dan kesemuanya memainkan peranan masing-masing. 14 agensi ini merangkumi JAKIM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JAPENSWP), Lembaga Tabung Haji (TH), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), AlHijrah Media Corporation (TV ALHIJRAH), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

14 agensi Persekutuan di bawah Hal Ehwal Agama ini menggerakkan segala usaha untuk memartabatkan Islam menurut fungsi dan mandat yang ditetapkan. Di sini, PTF menggariskan lima Teras Strategik utama Hal Ehwal Agama iaitu Pentadbiran Islam Mampan, Kesejahteraan Insan, Kemuliaan Syariah, Kepimpinan Berdaya Cipta dan Kehormatan Institusi Islam. Pemerkasaan dan penambahbaikan Hal Ehwal Agama memfokuskan kepada 10 aspek utama merangkumi pengislahan dasar dan tadbir urus institusi Islam, pemantapan penyelidikan dan persuratan Islam, kemampanan ekonomi dan kebajikan sosial Islam, pengukuhan perpaduan ummah dan keharmonian tamadun, memartabat perundangan dan kehakiman Islam, penghayatan nilai masyarakat MADANI, pengukuhan kepimpinan generasi muda dan komuniti, pemerkasaan media dan kesenian Islam, keunggulan pendidikan Islam dan dakwah berhikmah dan pemodenan prasarana institusi Islam.

Tuduhan bahawa perundangan Islam dan Mahkamah Syariah akan tergugat adalah sesuatu yang tidak benar dan fitnah jahat. Kerajaan terus komited memartabatkan perundangan

dan kehakiman Islam. Usaha ini adalah menyeluruh bukan sahaja dari aspek penggubalan undang-undang substantif dan prosedural tetapi juga pembangunan sumber manusia, infrastruktur dan ekosistem perundangan syariah itu sendiri. Kajian mengenai Akta Saraan Hakim Syarie, penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman syariah dan pewujudan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia menunjukkan keseriusan kerajaan memberi pengiktirafan kepada pemerkasaan perundangan syariah.

LIBAT ULAMA BERTARAF DUNIA

BAGI maksud pengharmonian undang-undang sivil dan syariah serta mengelakkan pertindihan dan konflik, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri Menggubal Undang-undang Islam. Demi menangani sensitiviti masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia pula, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama yang dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Usaha ini kesemuanya untuk mewujudkan keharmonian dan kewujudan bersama secara damai dan sejahtera.

Malaysia semakin subur dengan majlis ilmu bahkan begitu banyak program keilmuan melibatkan ulama bertaraf dunia. Negara kita kini menjadi tumpuan ulama tersohor dan cendekiawan dari seluruh dunia. Al-Imam Al-Akbar Syekhul Azhar Dr Ahmed Mohammed Ahmed El-Tayeb, Syekh Ali Jum'ah, Syekh Ali al-Qaradaghi, Syekh Abu Bakar Ahmad, Syekh Yasir Qadhi, Syekh Omar Suleiman, Syekh Ahmed al-Raysuni, Syekh Maheral-Muayqali dan ramai lagi telah mengunjungi Malaysia memberikan tausiyah, nasihat, pesanan serta mencurahkan ilmu mereka di Malaysia. Ulama hebat ini memuji Malaysia dan mengiktiraf suasana dan keadaan di negara kita yang subur dengan majlis ilmu dan menikmati perkembangan Islam yang sangat baik.

Ekonomi dan kebajikan

sosial Islam menjadi tonggak pembangunan masyarakat dan negara. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif ekonomi Islam antaranya pemerkasaan sektor kewangan Islam dan pasaran modal Islam yang diiktiraf sebagai terbaik di dunia oleh Petunjuk Ekonomi Islam Global. Dari aspek sektor ketiga ekonomi Islam, kerajaan mempergiatkan usaha pengukuhan zakat dan wakaf. Pengurusan dan pentadbiran zakat adalah antara yang terbaik di dunia. Kerajaan turut memperkenalkan inisiatif dan suntikan tambahan bagi memperkasakan wakaf menerusi Waqf MADANI bernilai RM500 juta dan Waqf MARA Madani berjumlah RM100 juta. JAWHAR dan Yayasan Waqf Malaysia, agensi pusat berkenaan wakaf di bawah Hal Ehwal Agama memainkan peranan penting memacu wakaf ke tahap yang lebih tinggi. YaPEIM dan TH juga terlibat secara langsung dalam pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial Islam.

Pendidikan Islam terus diberi perhatian istimewa dan dimantapkan di segenap peringkat. Dasar Pendidikan Tahfiz negara dilancarkan dengan pelbagai program terbaik bagi mempersiapkan pelajar-pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang bersesuaian. Inisiatif berkaitan institusi pendidikan tahfiz adalah menyeluruh meliputi kurikulum tahfiz arus perdana, tadbir urus, sistem pengiktirafan termasuk kemahiran seperti TVET dan lain-lain. Peruntukan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat yang pernah dihentikan sebelum ini juga telah dikembalikan semula di mana dapat memberi manfaat kepada banyak sekolah di seluruh negara.

Pengembangan program dakwah semakin bertambah dan menyeluruh. YADIM dan agensi-agensi Hal Ehwal Agama lain melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dakwah yang menyeluruh di seluruh negara. Dasar Dakwah Negara kini dilaksanakan dengan lebih giat lagi menerusi kerjasama agensi, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, NGO Islam, organisasi masyarakat sivil termasuk badan korporat. Bahagian Dakwah

JAKIM melaksanakan pelbagai program dakwah bersama NGO dan badan korporat di seluruh negara. Selain itu, kerajaan membelanjakan jutaan ringgit bagi media dan saluran TV dan radio Islam. TV Al Hijrah, IKIMFM dan TV Jakim termasuk saluran berbentuk keagamaan saluran TV yang lain menawarkan pelbagai program yang bermanfaat memberikan pencerahan dan maklumat berguna kepada orang ramai mengenai hal ehwal agama.

Pemodenan prasarana institusi Islam diteruskan dengan peruntukan jutaan ringgit. Pembinaan dan baik pulih masjid dan surau, Mahkamah Syariah, institusi pendidikan, balai cerap, pusat latihan dan sebagainya terus dilaksanakan di seluruh negara. Kerajaan memperuntukkan peruntukan tambahan bagi menyelenggara dan menaik taraf institusi Pendidikan Islam yang berdaftar. Bukan itu sahaja, selain bantuan kewangan tetap setiap tahun, kerajaan juga memberi sumbangan khas RM700 kepada guru takmir, guru KAFA, imam, bilal dan siak dengan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Kesimpulannya di sini ialah sudah amat banyak inisiatif kerajaan dan program-program yang dapat mengimarrah, menghidupkan syiar Islam dan membentuk umat Islam di Malaysia. Sekiranya dicatat dan disenaraikan, pastinya ia terlalu banyak dan telah memberikan impak yang besar dan signifikan kepada negara. Sememangnya tidak dinafikan, usaha dan inisiatif ini masih memerlukan penambahbaikan dan perubahan dari pelbagai aspek dan perkara. Beberapa insiden dan isu yang berlaku mutakhir ini sebenarnya membuka ruang dan peluang untuk semua pihak bermuhasabah dan memikirkan strategi untuk melakukan perubahan sebaiknya. Namun, untuk mengatakan Islam terancam dan tergugat itu adalah naratif palsu yang cuba mengaburi mata rakyat Malaysia.

PENULIS Dr Zulkifli Hasan merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

TERNAK 10,000 HAIWAN DI LABUAN

KHAIRUL IDIN

BERMULA dengan minat mendalam pada bidang penternakan sejak di bangku sekolah rendah mendorong bekas jurutera berusia 44 tahun ini meninggalkan kerjaya yang selesa dan bergaji besar untuk bergelar penternak.

Menurut Pemilik Syarikat Sittha Farm Sdn Bhd, **Sittharanjanan Subramaniam**, hidupnya sudah sehati dengan haiwan ternakan sejak dari kecil lagi.

Ujarnya, ketika di bangku sekolah, dia telah mula menabung dan melakukan pelbagai pekerjaan sambil hanya untuk membeli seekor kambing yang berharga sekitar RM400.

"Duit belanja yang diberikan oleh ibu bapa saya simpan dalam tabung dan pada hujung minggu saya akan mencari besi atau tin kosong untuk dijual. Dengan hasil itulah, ketika masih bersekolah saya telah mempunyai dua ekor kambing dan semakin bertambah tahun ke tahun.

"Selepas memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), bapa menghadiahkan sebanyak 60 ekor kambing. Dari situlah saya mula menternak secara suka-suka," ujarnya kepada Wilayahku.

Bercerita lanjut mengenai ternakannya, setelah dia memperoleh kerjaya sebagai jurutera di sebuah syarikat minyak dan gas satu ketika dahulu, dia menggunakan duit simpanan untuk membesarkan penternakannya.

Kini dia merupakan satu-satunya penternak terbesar di Labuan yang memiliki lebih 10,000 haiwan ternakan antaranya kerbau, lembu (tenusu), kambing, rusa, burung puyu dan ayam.

"Setiap tahun anggaran 150

ekor lembu dan 400 ekor kambing berjaya dijual dengan harga lembu bermula RM5,000 ke atas mengikut jenis baka, saiz dan berat manakala kambing pula RM1,200 hingga RM1,500," ujarnya yang juga merupakan seorang pengadil bola sepak kebangsaan.

Bercerita mengenai kisah dukanya dalam bidang penternakan, beliau berkata pengalaman pahit selama bergelar penternak hampir 20 tahun adalah ketika 400 ekor lembu dan kambingnya mati akibat diracun sekitar tahun 2018 dan 2021.

Ujarnya, akibat angka tersebut dia telah mengalami kerugian agak besar dan hampir berputus asa untuk meneruskan bidang ternakan.

"Sedih, marah dan bermacam-macam perasaan ketika itu namun sudah tentu lembu dan kambing saya yang telah mati tidak dapat dikembalikan semula jika saya terus bersedih.

"Itulah dugaan yang paling saya tidak boleh lupa hingga ke hari ini namun saya anggap perkara itu sebagai cabaran dalam perniagaan," ujarnya.

Untuk akan datang, dia merancang mengembangkan ternakan namun apa yang menjadi penghalang adalah kesukaran untuk mendapatkan pekerja kerana mentaliti sesetengah orang yang tidak mahu bergelumang dengan pekerjaan yang kotor.

"Jika isu pekerja ini dapat diatasi, penternakan saya dapat dikembangkan lagi pada masa akan datang," ujar beliau yang kini mempunyai enam orang pekerja. 📞





PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.

harga RM19.90





PUPUK KESEDARAN KESIHATAN



ZULKIFLI SULONG

KESEDARAN tentang kebersihan dan penjagaan kesihatan nampaknya semakin meningkat di negara ini. Namun ia tidaklah sampai ke tahap yang betul-betul baik sehingga ia boleh dibanggakan.

Awal bulan ini, ketika berucap di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan sekurang-kurangnya dua perkara penting yang perlu dilaksanakan dalam kalangan rakyat negara ini khususnya rakyat negeri Kelantan iaitu kebersihan dan kurangkan penggunaan gula dalam minuman dan makanan.

Ia nampak mudah dan ringkas tetapi untuk menjayakannya perlukan iltizam dan kesungguhan dalam kalangan semua pihak khususnya *apparatus* kerajaan. Untuk menggerakkan *apparatus* kerajaan pula perlukan kesungguhan politik atau *political will* daripada pemimpin politik atau kerajaan.

Rakan saya, Dr Syed Iskandar Syed Jaafar Al Mahdzar, seorang peguam bela dan peguam cara di Kuala Lumpur menulis satu tulisan yang menarik dan dihantar kepada saya. Namun kerana kesibukan, hanya beberapa hari lepas saya membaca tulisan ini. Apabila membacanya, saya berkata, wow sangat menarik walaupun ia isu yang mudah sahaja.

Beliau memberikan 15 saranan untuk dilaksanakan oleh kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendidik masyarakat tentang kesihatan yang bagi saya sangat mudah dan boleh dilaksanakan tetapi tidak terlaksana sebelum ini.

Tidak semua saranan beliau ini boleh dilaksanakan dan ada juga saranan beliau yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Berikut adalah 15 saranan beliau itu:

1) Bahaya makan dan minum sebarang makanan dan minuman yang mempunyai kandungan gula atau susu pekat yang tinggi serta tunjukkan bukti akibat pengambilan susu pekat atau gula berlebihan. Tunjuk juga bukti dalam poster berkenaan contoh jenama yang menjual makanan dan minuman dengan kandungan gula berlebihan. Jangan terkejut jika teh tarik kurang manis masih lagi manis dan selepas itu terpaksa dibuang setengah gelas dan digantikan dgn air suam. Namun selepas itu, terpalang pada pengguna jika masih berdegil mahu membeli produk berkenaan.

2) Bahaya makan mee segera sebarang jenama. Tunjukkan bukti saintifik bahawa setiap bungkus mee segera boleh membaluti tali perut manusia selama seminggu. Tunjukkan bukti bahawa perencah



ANWAR ketika melawat Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan pada awal bulan ini. - Gambar hiasan

mee segera jika dituang di atas rumput akan menyebabkan rumput mula menjadi kuning selepas beberapa hari dan kemudiannya mati. Tunjukkan juga bukti bahan kandungan mee segera jenama luar negara yang mengandungi bahan yang tidak halal walaupun diminati ramai pengguna generasi muda beragama Islam.

3) Bahaya ketika makan tengah hari atau makan malam di mana saja yang mungkin mempunyai elemen yang boleh menyebabkan serangan jantung contohnya minyak berlebihan dalam kari ikan, kari daging, kari ayam, kari kambing iaitu lapisan minyak masak yang begitu tebal dalam periuk peniaga. Begitu juga bahan-bahan tertentu makanan ber kolesterol tinggi yang terdapat dalam bahan masakan.

4) Promosikan penggunaan beras perang berbanding beras putih yang dikilatkan menjadi putih dengan menggunakan bahan pencuci pakaian. Sertakan bukti saintifik yang dilaporkan oleh badan-badan kajian yang dihormati masyarakat.

5) Promosikan penjualan roti perang berasaskan gandum asal berbanding roti putih yang mempunyai kandungan gula yang tinggi serta menjadi putih akibat penggunaan bahan pencuci pakaian dalam pemprosesan gandum. Sertakan juga bukti saintifik.

6) Promosikan penggunaan gula perang yang berasal daripada warna perang tebu berbanding dengan gula putih yang dikilatkan menggunakan bahan pencuci pakaian. Sertakan bukti saintifik yang dilaporkan.

7) Poster-poster kempen kesedaran bahaya beberapa makanan yang dijual di restoran makanan segera serta bahaya *junk food* yang dijual di serata kedai dan pasar raya.

8) Promosikan cara hidup sihat dengan poster-poster membeli sendiri lauk mentah dari pasar serta pasar tani dan memasak sendiri untuk keluarga yang lebih sedap, murah dan terjamin kebersihannya.

9) Menyedarkan pengguna yang mereka cuma layak menyaman syarikat-syarikat yang menjual makanan dan minuman yang membahayakan kesihatan mereka

jika tiada elemen cuai daripada mereka. Di zaman Teknologi Maklumat (IT) dan kecerdasan buatan (AI) sekarang penggunaan telefon pintar serta komputer riba akan membolehkan pengguna mengetahui dengan cepat dan mudah tentang mudaratnya sesuatu makanan atau minuman serta bahan-bahan yang terkandung dalam sesuatu makanan yang telah siap diproses dan dikilangkan untuk jualan.

10) Menyedarkan pengguna bahaya telefon pintar dijadikan rantai leher ataupun diletakkan dalam poket. Sekali lagi semua bukti-bukti saintifik boleh disertakan dalam bentuk penjelasan grafik.

11) Menyedarkan pengguna bahaya komputer riba diletakkan di atas riba untuk melakukan sesuatu tugas secara atas talian. Bukti-bukti saintifik boleh disertakan dalam bentuk penjelasan grafik.

12) Menyedarkan pengguna bahaya menggunakan *wireless earphone* atau *wireless headphone* dengan kadar lama dan berterusan. Sertakan bukti-bukti saintifik dalam bentuk penjelasan grafik.

13) Menyedarkan pengguna dengan lebih agresif bahaya *vape* dan rokok tradisional.

14) Mempromosikan makanan kesihatan dengan memberikan dalil-dalil sahih seperti kurma ajwa, habbatus sauda dan air zamzam. Kerajaan Malaysia boleh berbincang dengan kerajaan Arab Saudi untuk menamatkan larangan eksport air zamzam bagi membekalkan air zamzam secara komersial di Malaysia supaya juga larangan menjual air zamzam di Malaysia yang dibuat oleh kerajaan terdahulu dapat dibatalkan.

15) Mempromosikan senaman ringan dengan berjalan 20 minit setiap pagi dan petang. Memberikan amaran secukupnya mengenai senaman agar jantung tidak terkejut contohnya tidak pernah berjoging seumur hidup tiba-tiba berjoging mengejut beberapa kilometer akan membahayakan diri sendiri.

INI adalah sekadar pandangan daripada penulis dengan cadangan tambahan daripada Dr Syed Iskandar.



Wajah baharu premis

TEMPAT cantik, persekitaran bersih tersusun, makanan sedap dan layanan mesra antara ciri utama peniaga menarik pelanggan ke gerai mereka. Kerana itu penampilan pusat penjaja di ibu kota perlu ditambah baik. Lebih ramai pelanggan datang, pendapatan peniaga meningkat.

Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur, yang dilaksanakan di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah antara inisiatif kerajaan menaik taraf dan mengindahkan kemudahan gerai peniaga kecil dan penjaja di sekitar ibu kota.

Dengan pelaksanaan program ini, gerai menjadi lebih selesa dan mesra pelanggan. Kawan-kawan Kedai Kopi percaya pelaksanaannya dapat membantu peniaga beroperasi dalam suasana dan persekitaran lebih kondusif.

Ternyata peniaga di

beberapa premis niaga ibu kota gembira dan teruja dengan usaha kerajaan mentransformasi gerai dan kawasan perniagaan mereka. Perubahan ini membolehkan pelanggan manjau selera dalam suasana nyaman dan santai.

Antara yang dilaksanakan ialah menambah baik papan tanda utama kawasan perniagaan, menjadikannya lebih jelas dipandang. Papan tanda kedai dan kawasan dataran juga ditambah baik.

Selain itu, laluan pejalan kaki ditambah serta menaik taraf tempat letak kenderaan awam, termasuk untuk golongan orang upaya (OKU). Elok jika kawasan parkir ditambah bagi menampung keperluan pelanggan, terutama pada waktu puncak seperti minum pagi dan makan tengah hari.

Usaha juga dilakukan menaik taraf rumah sampah sedia ada. Aspek keceriaian turut diberi keutamaan dengan melukis mural pada tembok.

Tangani warga asing

APABILA diberi lesen berniaga di bandar raya Kuala Lumpur bukan bermakna boleh menjalankan operasi niaga sesuka hati. Sebaliknya perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam lesen. Berniaga dengan jujur.

Tetapi ada segelintir peniaga memandang ringan aspek ini. Mereka tidak mematuhi peraturan. Antara kesalahan dilakukan ialah menggaji pekerja asing tanpa permit. Ini adalah pelanggaran undang-undang yang serius.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi menyokong tindakan tegas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ke atas pemilik premis perniagaan terlibat yang dikesan melalui operasi DBKL. Sejak awal tahun sehingga kini, sekurang-kurangnya 1,225 notis kompaun dikeluarkan terhadap para peniaga berkenaan.

Selain itu sebanyak 2,261 barangan dirampas sepanjang sembilan bulan pertama tahun ini. Beberapa buah premis disita kerana didapati diuruskan oleh warga asing. Turut ditutup premis perniagaan tanpa

lesen sah, juga dikendalikan oleh warga asing.

Kesemua tindakan ini adalah mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 dan Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, perbuatan menggaji pekerja asing dan pekerja asing mengendalikan perniagaan secara haram, tidak wajar dibiarkan. Ia mesti dibanteras agar tidak menjadi barah yang sukar dikawal.

Oleh itu tindakan tegas mesti diambil terhadap yang terlibat. Dalam beberapa kes, pihak DBKL sendiri mengesyorkan pembatalan lesen perniagaan terhadap peniaga yang menggaji pekerja asing. Ini menyerlahkan DBKL sangat mengambil berat isu berkenaan.

Pihak DBKL akan menjalankan operasi penguatkuasaan berterusan menangani isu warga asing ini, baik yang makan gaji atau berniaga sendiri secara haram.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bilangan 2 Tahun 2024 pada Selasa.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menghadiri sidang kemuncak anjuran bersama Institut Strategik KSI untuk Asia Pasifik, Kelab Ekonomi ASEAN dan World Digital Chamber (WDC) pada Asia New Economy Summit 2024.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menyerahkan replika kunci 12 buah cold truck dan wooden truck kepada wakil Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara yang diadakan di Menara Pertubuhan Peladang.

SEMINGGU



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menerima kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Thales International, Madam Pascale Sourisse bersama delegasi di Kementerian Pertahanan.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melancarkan Dapur Digital pertama di Malaysia di PPR Wangsa Sari dalam usaha memperkasakan ekonomi B40, khususnya ibu tunggal dan belia wanita melalui inovasi ekonomi digital.



MENTERI Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan menerima kunjungan hormat perpisahan daripada Duta Besar Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Katsuhiko Takahashi.



NAFAS PERKUKUH JENAMA, TATAKELOLA

MUHAMMAD FARIS mahu mengangkat NAFAS setanding dengan koperasi-koperasi pertanian yang berjaya di luar negara.

METRA SYAHRIL MOHAMED

DITUBUHKAN pada 1972, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kini mengorak langkah baharu bagi mengukuhkan 'jenama' mottonya 'dari peladang untuk peladang'.

Melalui lantikan pakar teknologi dan pengurusan korporat, **Muhammad Faris Arriffin** sebagai Pengurus Besar yang baharu, NAFAS tidak lagi boleh sekadar berada di zon selesa.

Itulah cabaran dipikul Muhammad Faris di usia 52 tahun NAFAS apabila banyak pertubuhan peladang yang bernaung di bawahnya belum lagi mampu *self independent* atau berdikari.

Akui beliau majoritinya masih memerlukan bantuan kerajaan yang disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Sehingga hari ini, NAFAS disertai 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), 280 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan dianggotai 930,000 ahli peladang di seluruh negara.

Satu jumlah yang besar dan berstruktur namun tegas Muhammad Faris, beliau mahukan NAFAS menjadi 'gergasi' dalam sektor pertanian mahupun keterjaminan makanan.

Di sebalik semuanya itu katanya ia bukan tugas mudah kerana memerlukan satu reformasi organisasi dan juga perubahan dari segi pemikiran dan budaya kerja.

Cita-cita beliau cukup tinggi terhadap NAFAS, mahu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan koperasi-koperasi petani ternama luar negara yang amat berjaya. Contohnya Fonterra di New Zealand; Zen-Noh (Jepun) dan koperasi-koperasi petani di Taiwan,

Korea Selatan serta Australia.

"Wesfarmers dari Australia menjadi sampai konglomerat yang besar. Kenapa kita (NAFAS) tidak boleh sampai tahap mereka yang berjaya? Umur (usia penubuhan) mereka pun lebih kurang kita. Di mana silapnya?"

"Sampai sekarang kerajaan masih lebih 'menongkat' pertubuhan peladang. Sebenarnya kita boleh bergerak jauh ke depan," katanya kepada Wilayahku.

Beliau memberitahu, setahun selepas diberi mandat untuk membuat pembaharuan pada NAFAS, pertubuhan peladang itu bertindak menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemantapan Tatakelola bagi meningkatkan profesionalismenya.

"Kita cuba memenuhi hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai tatakelola. Ia (jawatankuasa khas) dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan dianggotai wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Ia berkaitan piagam ahli lembaga pengarah, tugas-tugas mereka dan apa pula tugas pengurusan kerana ketika ini semuanya tak jelas. Perlunya satu lantikan pengurusan yang profesional, barulah (NAFAS) boleh bergerak macam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang hebat.

"Inilah antara perubahannya kerana kita dapat suntikan dana daripada kerajaan, itu duit kerajaan, duit rakyat. Ini kita mahu tukar *mindset*," tegasnya.

STRUKTUR BISNES NAFAS

BERCAKAP mengenai lapangan bisnes NAFAS, Muhammad Faris berkata lebih 95 peratus janaan pendapatan NAFAS adalah daripada kontrak baja subsidi manakala selebihnya adalah perniagaan-perniagaan lain.

Katanya, kilang baja milik NAFAS di Gurun, Kedah di bawah Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd merupakan syarikat usaha sama NAFAS, PPN, PPK, ahli-ahli peladang dan Petronas Fertilizer Kedah Sdn Bhd yang mula beroperasi pada 2004.

Ia menjalankan aktiviti pengilangan baja dengan memproses pelbagai jenis baja antaranya Padi 1 dan Padi 2 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) serta Baja NPK Tambahan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).

Kilang itu mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 340,000 tan metrik setahun dengan keupayaan penghasilan 12 formulasi baja.

Kemudiannya jelas Muhammad Faris, NAFAS memiliki NAFAS Bajakimia Sdn Bhd bertanggungjawab dalam mengimport, mengangkut dan mengagihkan bekalan baja tunggal dan baja sebatian kepada peladang-peladang di seluruh Malaysia, khususnya dalam bidang penanaman padi.

NAFAS Agri Services Sdn Bhd pula menjalankan aktiviti memasarkan pelbagai input pertanian manakala NAFAS Plastic Industries merupakan syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti dan perniagaan penghasilan pelbagai jenis produk yang berasaskan plastik dan bahan pembungkusan.

Untuk bisnes ayam katanya, NAFAS memiliki tiga anak syarikat iaitu NAFAS Food Processing & Marketing Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti memproses ayam dan NAFAS mempunyai kilang memproses ayam di Sungai Bakap, Pulau Pinang selain NAFAS Feedmills Sdn Bhd iaitu kilang membuat makanan ayam di Muar dan Medan Juara Sdn Bhd, kilang mengeluarkan anak ayam daging di Kota Tinggi.

Di sebalik semuanya itu, Muhammad Faris amat berbangga dengan langkah NAFAS melancarkan Dana Peladang Kebangsaan (DPK) yang menyediakan perkhidmatan kewangan kompetitif kepada ahli dan rangkaian pertubuhan peladang (PP) di seluruh negara.

"Ideanya sama macam amanah saham tetapi ini spesifik untuk ahli peladang dan dana diurus oleh profesional. Bermula 2012, kita punya pulangan purata lapan ke 10 peratus dan tahun lepas kita umum sembilan peratus dividen.

"Ini adalah kelebihan menjadi ahli peladang. Total pengurusan aset ketika ini lebih RM300 juta dan ia salah satu kebanggaan kepada pertubuhan peladang," katanya.

Bercakap mengenai industri sawit, katanya, NAFAS juga memiliki anak syarikat dalam penanaman sawit termasuk di Aceh, Indonesia.

NAFAS juga jelasnya merupakan pengedar eksklusif jentera jenama Case untuk traktor pertanian selain menjadi pusat utama pemasaran produk-produk agromakanan jenama Peladang.

"Semuanya ini menyumbang lima peratus kepada pendapatan NAFAS. Tetapi kadang-kadang yang lima peratus ini boleh

mendatangkan keuntungan besar jika diurus dengan baik.

"Bila saya masuk ke dalam NAFAS, saya ditugaskan untuk buat semula penstrukturan korporat kerana kita berdepan dengan kelemahan pengurusan. Kerugian terkumpul pada syarikat-syarikat subsidiari amat menyedihkan. Jadi semuanya ini kita nak kena perbetulkan, kena buat plan bisnes yang baru," katanya.

PERTANIAN BANDAR

KEPADA soalan mengenai aspek pertanian bandar, katanya di Kuala Lumpur, sebagai contoh, masih belum ditubuhkan PPN atau PPK.

"Kita dalam proses untuk menarik minat orang ramai menubuhkannya terutama dengan pertumbuhan teknologi di mana kita boleh buat pertanian dalam bandar, tak perlu tanah.

"Dengan adanya teknologi, kita boleh buat *indoor* akuakultur, *indoor* rumah hijau atau pertanian dalam bandar.

"Jadinya sekarang kita perluaskan skop ini kepada produk-produk makanan berasaskan pertanian dan ia pun boleh menjadi sebagai satu kriteria menjadi ahli pertubuhan peladang," katanya.

Mengenai minat anak muda kepada sektor pertanian pula, beliau berkata ramai daripada golongan itu minat kepada sektor berkenaan disebabkan adanya perkembangan teknologi.

"Teknologi dron, amat menarik minat anak muda menceburi pertanian. Semuanya boleh dilakukan dengan teknologi jika hendak mengawal selia pertanian," katanya. 

18 unjam marinovasi dilabuhkan

DALAM usaha meningkatkan sumber marin dan merencanakan aktiviti penangkapan ikan di perairan pulau ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Labuan mengambil inisiatif melabuhkan sebanyak 18 bongkah besar unjam marinovasi di Perairan Pohon Batu.

Pelaksanaan program tersebut bagi mewujudkan habitat ikan yang tertumpu sekali gus memberikan manfaat kepada para nelayan khususnya di zon A.

LKIM dalam satu kenyataan berkata program Pembesaran Unjam Komuniti Persatuan Nelayan Labuan yang dijalankan baru-baru ini melibatkan peruntukan sebanyak RM230,000.

"Unjam merupakan variasi daripada tukan tiruan yang dibina menggunakan konkrit bertetulang besi. Unjam ini diketengahkan oleh LKIM sebagai usaha membantu

golongan nelayan dalam menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

"Unjam marinovasi ini mempunyai 18 modul yang diikat menggunakan tali, dilabuhkan di perairan Pohon Batu. Lokasi ini dipilih dengan mengambil kira kawasan ini merupakan tumpuan penangkapan bagi nelayan pesisir bot zon A.

"Lokasi tersebut telah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada agensi-agensi terlibat iaitu Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan," jelasnya.

Tambahnya, program yang mampu meningkatkan sumber marin di kawasan yang bersesuaian akan merencanakan lagi aktiviti tangkapan para nelayan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Katanya, para nelayan tidak perlu mengambil masa yang lama untuk mengenal pasti lokasi penangkapan apabila unjam tersebut menjadi kawasan tumpuan dan menjadi lokasi bersasar.

"Kawasan unjam yang menjadi habitat ikan seterusnya akan menjimatkan masa dan kos bagi nelayan turun ke laut untuk menangkap ikan," katanya.

Sehubungan itu, LKIM menyeru kepada semua nelayan di pulau ini agar dapat menggunakan unjam-unjam sebaiknya serta menerima manfaat yang besar.

"Hasrat kerajaan melalui bantuan seperti ini adalah bagi memastikan golongan nelayan pesisir akan lebih berdaya saing dan mampu membela nasib mereka terutamanya dalam kalangan nelayan B40," jelasnya.



KERJA-KERJA melabuhkan unjam marinovasi yang dijalankan di Perairan Pohon Batu.

Angkat martabat penduduk

MPP JADI MATA TELINGA KERAJAAN

KHAIRUL IDIN

MAJLIS Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Labuan akan terus menjadi penghubung utama yang berfungsi sebagai mata dan telinga kerajaan dalam memartabatkan penduduk serta berdaya saing.

Pengerusi MPP Zon Labuan, **S. Roslee Matusin** berkata penubuhan majlis itu berdasarkan kepada perhubungan di antara pihak kerajaan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan masyarakat.

Katanya, MPP juga berperanan sebagai struktur komuniti dalam menentukan keperluan dan penyertaan penduduk setempat di Wilayah Persekutuan dalam pembangunan, perpaduan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup.

"Kami di pihak MPP sentiasa menjadi mata dan telinga untuk memastikan setiap agenda yang disarankan oleh kerajaan seperti penganjuran program, bantuan dan sebagainya dapat disampaikan kepada masyarakat agar ia dapat memberikan manfaat kepada semua.

"Pelbagai program dan bantuan telah dilaksanakan oleh kerajaan menerusi jabatan agensi kerajaan di sini dan kami sebagai MPP harus menyebarkan maklumat itu kepada masyarakat setempat agar mereka dapat menerima manfaat tersebut," katanya kepada Wilayahku.

Beliau berkata pada awal tahun lalu, pihaknya telah berjaya



S. ROSLEE (tengah) ketika mempromosikan PADU kepada penduduk di Labuan.

meningkatkan pendaftaran penduduk di pulau itu untuk mendaftar dan mengemas kini maklumat dalam Sistem Pangkalan Padu Utama (PADU).

"Pada awal tahun ini, kita telah mengerahkan seluruh ahli-ahli MPP bagi membantu agensi kerajaan untuk mempromosikan kepada penduduk setempat mengenai keperluan dan kepentingan inisiatif yang diwujudkan oleh kerajaan.

"Alhamdulillah, dengan usaha gigih bersama pihak agensi kerajaan yang lain, Labuan telah mencatatkan pendaftaran PADU yang memberangsangkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata tanggungjawab dalam melaksanakan tugas MPP tidaklah semudah yang disuarakan oleh pihak-pihak tertentu.

"Ada yang berpandangan penubuhan MPP tersebut sebagai satu pembaziran kerana sering dianggap berlakunya pertindihan

kuasa dengan bidang kuasa ketua kampung.

"Saya sendiri sebelum ini pernah menjawat jawatan ketua kampung dan saya akui terdapat segelintir pihak yang keliru dengan dua bidang kuasa itu khususnya dalam menyalurkan aduan dan isu-isu berbangkit.

"Tidak dinafikan perkara ini sering berlaku namun ia bukan isu yang perlu diperbesarkan. Bagi setiap aduan komuniti kampung sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada ketua kampung untuk mengambil tindakan seperti melaporkan aduan kepada pihak berkaitan. MPP hanya boleh memberikan sokongan kepada isu yang dikemukakan," ujarnya.

Tambahnya, istilah pertindihan kuasa tidak seharusnya timbul kerana setiap bidang kuasa yang diwujudkan mempunyai peranan tersendiri dalam menjalankan amanah dan suara kerajaan.

Jalin kerjasama erat perangi rasuah

POLIS Labuan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Labuan menjalin kerjasama erat dalam memerangi gejala rasuah dan salah guna kuasa yang kian berleluasa.

Menurut Ketua Polis Daerah Labuan, **Superintendent Mohd Hamizi Halim**, kerjasama tersebut juga akan memperkukuhkan integriti dalam penguatkuasaan undang-undang.

"Kerjasama antara dua agensi ini amat penting bagi memastikan gejala rasuah dan salah guna kuasa dapat dibanteras dengan sebaik mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Kunjungan Hormat Penolong Pesuruhjaya SPRM Labuan yang baharu, Asisten Komisioner

(ACP), **Muhammat Aziz** ke pejabatnya, baru-baru ini.

Mohd Hamizi berkata kerjasama yang erat dengan pihak SPRM juga dapat menjamin persekitaran lebih telus dan bertanggungjawab.

Sementara itu, Muhammat Aziz berkata pihaknya sentiasa terbuka untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan mahupun swasta.

"Kerjasama ini bukan sahaja bertujuan menangani cabaran semasa malah untuk memupuk budaya integriti yang tinggi dalam kalangan penjawat awam dan anggota penguat kuasa undang-undang.

"Selain itu, kerjasama ini juga menjadi langkah penting dalam mengekalkan integriti antara pihak SPRM dan polis di Labuan," katanya.



HAMIZI (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Muhammat pada majlis kunjungan hormat.

Teroka peluang kerjasama

PERKUKUH BANDAR BERKEMBAR

SABRINA SABRE

MALAYSIA akan memperkukuh kerjasama strategik *twin city* antara Wilayah Persekutuan khususnya Putrajaya dengan Shanghai melalui program pertukaran kepakaran.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, langkah berkenaan bukan sahaja membolehkan Malaysia mempelajari lebih lanjut mengenai pengurusan bandar pintar dan penyelesaian teknologi berasaskan inovasi malah dapat membantu memastikan negara berada di barisan hadapan dalam mengadaptasi pendekatan moden.

"Saya yakin kerjasama ini mampu membawa Wilayah Persekutuan ke tahap lebih tinggi dalam pengurusan bandar yang berdaya tahan dan berinovasi," katanya menerusi hantaran di laman X.

Terdahulu, Zaliha mengadakan mesyuarat bersama Kerajaan Perbandaran Shanghai yang

diketahui oleh Timbalan Ketua Pengarah Shanghai Municipal Commission of Housing, Urban-Rural Development and Management (SHMCHURDM) merangkap Pengarah Biro Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Bandaraya Shanghai, Zhang Yonggang.

Mesyuarat itu diadakan susulan keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini berkenaan kerjasama *twin city* antara Putrajaya dan Shanghai.

Beliau berkata perbincangan tertumpu kepada perkongsian kepakaran dalam strategi pembaharuan semula bandar di Shanghai iaitu 10 daerah utama mereka akan menjalani proses pembaharuan menjelang 2025, membabitkan pembangunan semula kawasan perumahan, komersial dan perindustrian yang dijangka membawa impak besar kepada pertumbuhan bandar secara menyeluruh.

"Antara aspek menarik

perhatian saya ialah pelaksanaan konsep *Sponge City* iaitu satu strategi pengurusan banjir pintar yang menggunakan teknologi pemantauan canggih termasuk sensor bawah tanah.

"Konsep ini bukan sahaja memperkukuh ketahanan bandar terhadap perubahan cuaca yang ekstrem, malah berpotensi meminimumkan kesan bencana alam di kawasan berisiko banjir.

"Model itu boleh menjadi inspirasi Wilayah Persekutuan dalam mengintegrasikan teknologi hijau dalam perancangan bandar demi masa depan lebih lestari," ujar beliau.

Dalam masa sama, Zaliha berkata Shanghai juga melaksanakan sistem pengurusan grid bandar yang terperinci iaitu bandar dibahagikan kepada kawasan kecil serta dipantau menggunakan teknologi kamera litar tertutup (CCTV) sensor dan pangkalan data awam. 



ZALIHA bersama Presiden Perbadanan Putrajaya (PPJ), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud (kanan) ketika lawatan di China.

Senaman pound cipta sejarah dalam MBOR

SEBANYAK 1,270 peserta wanita berkumpul di Dataran Putrajaya baru-baru ini bagi mencatat rekod Malaysia Book of Records (MBOR) dalam acara sukan aktif senaman pound fitness.

Lebih menarik, senaman menggunakan kayu deram dengan gerakan seluruh badan itu memerlukan kekuatan fizikal

peserta bergerak mengikut rentak muzik.

Catatan rekod tersebut dibuat bersempena Hari Sukan Negara (HSN) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan; produk penjagaan rambut Safi Shayla; Mediarands Content Studios (MCS) dan POUNDwithHanis. Program tersebut dirasmikan

oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan wanita terutama mereka yang berhijab.

Jurulatih, **Hanis Nor** berkata program seumpama itu berjaya membangkitkan semangat kesukanan dalam kalangan para peserta di negara ini.

"Dalam masa sama, ia membuktikan kaum wanita boleh mengatasi sebarang cabaran dan menyerlah dengan penuh keyakinan walaupun berhijab.

"Sebagai jurulatih yang berhijab, saya memahami cabaran untuk

kekal aktif di Malaysia yang bercuaca panas dan lembap dengan memakai hijab.

"Justeru, kita mahu terus menggalakkan golongan seperti ini kekal cergas walau di mana jua," katanya dalam satu kenyataan. 



ADAM ADLI (dua dari kanan) merasmikan Program Pound Fitness sempena Hari Sukan Negara 2024.




KITO RUN

Putrajaya 2024

23 NOVEMBER 2024
SATURDAY

7:30AM - 11:30AM

KOMPLEKS KEJIRANAN
PRESINT 9, PUTRAJAYA

Entitlement:

- EVENT TEE
- MEDAL
- LIGHT REFRESHMENTS
- RUNNING BIB
- DRAWSTRING BAG
- LUCKY DRAW

Registration is now open!

For more information kindly contact :
Nurin 0163523653

SCAN HERE



Additional Fun Activities:

BEST 3R COSTUME CONTEST • RECYCLING CAMPAIGN • 3R GAMES AND QUIZZES

Extending Life, Enriching Communities.

Kejohanan Esports Hari Sukan Negara 2024

PAHANG KUASAI TIGA ACARA

SABRINA SABRE

KONTINJEN Negeri Pahang menjuarai Kejohanan Esports Hari Sukan Negara (HSN) 2024 menerusi tiga acara yang dipertandingkan iaitu Konami eFootball peringkat negeri, futsal dan Esports Medica.

Pahang mengumpulkan 33 mata seterusnya membawa pulang wang tunai keseluruhan bernilai RM8,000 mengatasi Terengganu di tempat kedua dengan kutipan mata 31 dan Negeri Sembilan di tempat ketiga dengan 28 mata.

Menurut Presiden Malaysia Esports Federation (MESF), **Muhammad Naim Al Amin Saharudin**, 15 pasukan telah berentap (13 negeri dan dua Wilayah Persekutuan) untuk merebut gelaran juara dan membawa pulang Piala Konami eFootball yang diperkenalkan buat julung kalinya pada tahun ini.

"Konami eFootball dipilih sebagai acara utama pada Kejohanan Esports HSN 2024 kerana permainan ini berpotensi tinggi untuk menyasarkan pingat emas pada temasya Sukan SEA dan Sukan Asia pada masa hadapan," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata Kejohanan Esports HSN 2024 juga menampilkan pelbagai pertandingan permainan popular pada kali ini seperti PUBG Mobile, Mobile Legends Bang Bang, Free Fire dan Tekken.

"Kali ini kita berjaya menarik lebih 2,000 penyertaan peserta yang mana menunjukkan peningkatan 20 peratus berbanding tahun 2023 (1,600 peserta) dengan hampir 10,000 pengunjung sepanjang tiga hari acara berlangsung.



PASUKAN Pahang meraikan kejuaan dengan menjulang piala kemenangan.

"Edisi kali ini juga menampilkan kelainan dengan memperkenalkan konsep *Phygital Games* di mana pengunjung berpeluang menyaksikan gabungan pertandingan futsal dan eFootball bagi mempromosikan *healthy gaming* serta seisi Coffee Talk With Esports Medica sebagai platform perkongsian dan kesedaran berkaitan kesihatan dalam esports.

"Bukan itu sahaja, terdapat juga kelainan yang dibawa pada tahun ini iaitu segmen Mari Mencuba Sukan Rekreasi, pertandingan cosplay, permainan *Virtual Reality (VR)*, booth jualan dan banyak lagi aktiviti menarik buat para pengunjung," ujarnya.

Menyedari esports mula berkembang pesat, Muhammad Naim berkata bantuan dari sudut kesihatan

juga tidak ketinggalan disediakan bagi kepentingan peminat sukan berkenaan.

"Esports Medica yang terdiri daripada sekumpulan pakar perubatan dan persatuan esports bersedia untuk menjadi servis sokongan terpenting kepada atlet serta seluruh komuniti.

"Semuanya semakin lengkap dalam ekosistem esports di Malaysia namun dari sudut kesihatan, masih belum ada kumpulan perubatan untuk berkhidmat bagi komuniti esports. Oleh itu, kehadiran mereka bakal memberikan sinar baharu buat sukan berkenaan. Inisiatif itu juga disambut baik dan mendapat sokongan penuh kerajaan dan juga industri," ujarnya.

Muhammad Naim berkata ia

merangkumi kesihatan fizikal dan juga mental.

"Adalah satu kerugian sekiranya komuniti itu tidak dididik sejak awal kerana mungkin ada antara mereka bakal bergelar atlet negara yang dapat melonjakkan nama Malaysia dalam esports.

"Setiap individu mempunyai minat tersendiri, ada yang minat dengan aktiviti *outdoor* dan ada yang meminati aktiviti *indoor*. Oleh itu, tidak salah sekiranya seseorang itu memilih untuk berkecimpung dalam bidang esports asalkan ia berlandaskan tatacara yang betul," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Cawangan Pembangunan Rekreasi Bahagian Pembangunan Sukan Jabatan Belia & Sukan Negara

(JBSN), **Nor Azli Mohamad Daud** berkata penganjuran HSN 2024 bertujuan memberikan kesedaran akan kepentingan gaya hidup aktif dan cergas menerusi aktiviti sukan dan rekreasi.

"Sudah tentu penganjuran penting ini adalah untuk memperkukuhkan semangat ukhuwah serta integrasi nasional menerusi aktiviti sukan dan rekreasi," ujarnya.

Terdahulu, Kejohanan Esports HSN 2024 yang berlangsung di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Presint 3, Putrajaya pada 11 hingga 13 Oktober 2024 merupakan anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS), JBSN dan Rakan Muda manakala MESF bersama Esports Putrajaya sebagai Rakan Pelaksana kejohanan kali ini.

Menariknya, selain menyertai pertandingan dianjurkan, peminat esports yang hadir ke kejohanan itu berpeluang bertemu barisan pemain profesional tempatan antaranya pasukan MLBB Selangor Red Giants yang merupakan Juara Dunia MSC 2024, Naquib Azlan dan Nabil Azlan daripada pasukan Axle Esports, pemain eFootball JDT Esports, Norhaikal Noh, serta jaguh antarabangsa termasuk Juara Dunia Tekken World Tour 2023 iaitu Arslan Ash Siddique dari Pakistan.

Di samping itu, mereka juga berpeluang bertemu dengan Joka Rehman dari pasukan Falcons United Kingdom yang menjuarai Kejohanan Tekken Eropah 2023 serta Juara Tekken Asia Tenggara 2021 dari Thailand, Nopparut 'Book' Hempamor dari pasukan Talon.

Tamatkan derita pemain

ISU berkaitan masalah tunggakan gaji bagi kelab Liga Super, Kuala Lumpur City FC (KL City) menarik perhatian semua pihak terutamanya peminat bola sepak tempatan.

Justeru, Pengurus Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM FA), **Datuk Kamarul Ariffin Mohd Shahar** berharap peneraju baharu KL City, Syed Yazid Syed Omar dapat menamatkan penderitaan pemain dengan segera.

"Setiap pemain mempunyai komitmen masing-masing, jadi tamatkanlah penderitaan mereka dengan melunaskan segala tunggakan bayaran yang sepatutnya.

"Saya tidak terlibat dan tidak tahu bagaimana caranya tetapi mengharapkan yang terbaik dapat dicapai dalam menyelesaikan masalah ini dengan kadar segera.

"Fokus perlu diberi terhadap



KAMARUL ARIFFIN

kebijakan pemain terlebih dahulu sebelum memikirkan tentang proses bagaimana untuk membangunkan pasukan," katanya kepada Wilayahku.

Kamarul Ariffin berkata dia mengenali Syed Yazid dan yakin beliau mampu menyelesaikan masalah yang membelenggu pasukan tersebut sekian lama.

"Saya percaya setiap individu yang memikul tanggungjawab

besar ini mempunyai cara tersendiri dalam mengemudi sesebuah pasukan serta menyelesaikan segala permasalahan. Cubalah sebaik mungkin. Itu sahaja yang saya harapkan dan saya menghormati setiap keputusan yang dibuat oleh Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA). Sekarang kita serah kepada kepimpinan bagaimana mereka mahu selesaikan," ujarnya.

yang juga merupakan bekas

penolong pengurus skuad bola sepak kebangsaan.

Dalam perkembangan lain, Syed Yazid yang baharu memenangi pemilihan Kongres KLFA kali ke-35 pada Sabtu lalu, tidak menunggu lama apabila terus 'bekerja' dengan mengumumkan beberapa inisiatif.

Syed Yazid berkata pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyatakan kesediaan untuk menyalurkan dana sebanyak RM1 juta pada hujung bulan ini.

"KLFA sudah mula membayar sebulan tunggakan gaji berserta dengan sebahagian caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada pemain yang dikreditkan pada 14 Oktober 2024.

"Di samping itu, pihak DBKL juga telah menyatakan kesediaan mereka untuk menyalurkan dana sebanyak RM1 juta di penghujung Oktober nanti. Dengan dana ini, semestinya kita akan dapat menyelesaikan sebahagian lagi tunggakan tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

RM4.6 juta naik taraf padang

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) menyalurkan geran berjumlah RM4.6 juta kepada 10 negeri bagi pelaksanaan projek menaik taraf padang bola sepak di stadium utama negeri masing-masing.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata lapan negeri iaitu Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang, Terengganu, Selangor, Perak, Kuala Lumpur dan Melaka menerima peruntukan penuh RM500,000 bagi skop kerja menaik taraf saliran dan penukaran rumput.

"Perlis dan Kedah pula masing-masing hanya menerima RM300,000 kerana hanya mahu menaik taraf sistem saliran dan tidak mahu menukar rumput.

"Empat lagi negeri tidak terima peruntukan iaitu Johor

kerana stadium mereka sudah bagus. Sabah dan Pulau Pinang tidak mahu terima peruntukan kerana tidak perlu naik taraf saliran dan tidak mahu tukar rumput.

"Sarawak minta ditunda kerana mereka tidak boleh jalankan kerja sebelum Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 disempurnakan," ujar beliau.

Hannah berkata garis masa untuk kerja-kerja naik taraf itu diselesaikan adalah sehingga Jun tahun depan.

Sementara itu, beliau berharap lapan negeri yang menerima geran penuh akan menggunakannya berdasarkan skop yang telah ditetapkan bagi memastikan tiada gangguan ke atas perjalanan liga pasukan di negeri masing-masing.

LOKAL TETAP HEBAT

DEEL ANJER

AKIM & The Majistret, Kugiran Masdo dan Insomniacks antara band yang semakin digilai anak-anak muda masa kini.

Jika sebelum ini, banyak pihak atau penganjur cenderung memilih band dari negara jiran untuk menjayakan konsert di Malaysia, kini trend itu semakin berubah.

Buktinya, ketiga-tiga band ini serta Empty Page bakal beraksi dalam Konsert Destiny of Music 2.0 yang dijadualkan berlangsung pada 15 November depan di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam, Selangor.

Syarikat B De Paris Project selaku penganjur utama dan penganjur bersama, Sinemalis Studio dan Westzone Entertainment berbesar hati membawakan edisi kedua ini demi menyokong industri muzik tempatan yang tidak kurang hebatnya berbanding negara jiran.

Justeru, tiket untuk menyaksikan Konsert Destiny of Music 2.0 telah dijual dengan harga yang berpatutan serendah RM55 (Silver), RM85 (Gold), RM135 (Diamond), RM155 (Platinum) dan RM285 (VIP) bermula 10 Oktober 2024, di platform rasmi ticket2u <https://www.ticket2u.com.my/>.



Berita gembira buat peminat

JIKA sebelum ini lambakan kemasukan artis negara jiran menjayakan konsert di negara ini menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan segelintir penggiat seni tanah air yang merasakan artis tempatan dianak tirikan dan dipandang sebelah mata.

Kini, mereka boleh menarik nafas lega apabila penganjur mula membuka mata akan kehebatan artis tempatan yang tiada kurang hebatnya. Buktinya akhir-akhir ini sudah banyak penganjuran konsert-konsert melibatkan artis tempatan.

Bagi vokalis Akim & The Majistret, **Akim Ahmad**, situasi positif ini satu perkembangan positif dalam industri hiburan.

"Itu satu bentuk sokongan yang sangat bagus. Apabila sudah banyak penganjur yang memandangkan artis-artis tempatan khususnya indie band, sudah tentu ia satu berita gembira buat anak-anak seni.

"Saya harap selepas ini banyak lagi konsert atau festival memilih artis-artis tempatan sebab saya yakin banyak bakat yang hebat selain memiliki pakej lengkap segi rupa atau penampilan," katanya.

Menyentuh tentang Konsert Destiny of Music 2.0, menurutnya konsert tersebut mempunyai konsep yang menarik apabila ada kumpulan-kumpulan seperti Akim & The Majistret, Kugiran Masdo, Imsoniacks dan Empty Page.

"Sudah tentu akan ada kelainan yang Akim & The Majistret akan tampilkan. Selain mempersembahkan lagu baharu, atas permintaan daripada penganjur susunan muzik kami diubah. Jadi, mungkin ada elemen kejutan dalam lagu-lagu yang kami sampaikan," tambahnya lagi. 



"Orang tak tahu jatuh bangun"

KUGIRAN Masdo sekali lagi mencipta sejarah apabila menjadi wakil Malaysia dicalonkan dalam kategori Artis Asia Terbaik, Anugerah MTV EMA 2024 yang bakal berlangsung di Manchester, England pada 11 November depan.

Antara artis yang turut disenaraikan dalam kategori itu termasuklah Mahalini dari Indonesia, ILLIT (Korea Selatan), BINI (Filipina) dan Sakurazaka46 (Jepun).

Vokalis utamanya, **Ali Sariah**, 32, meluahkan rasa syukur atas pengiktirafan tersebut kerana bukan mudah untuk mereka sampai ke tahap itu setelah 10 tahun dalam industri seni.

"Di sebalik pencapaian hari ini, orang tak tahu pasal jatuh bangun kami. Sebenarnya kami dah tergocek-golek dah. Alhamdulillah, dengan izin Allah dan berkat tak putus asa, kami berjaya melepasi fasa itu.

"Pengalaman yang dilalui itu kami jadikan pengajaran. Apa yang saya boleh cakap, setakat ini 10

tahun dalam industri ini sangat mematangkan kami.

"Misalnya kami ditipu apabila terpaksa keluaran duit sendiri untuk apa yang kami tak tahu. Akhirnya duit hangus macam itu sahaja Tambahan pula, tidak ada pihak yang menjaga kami di sana," ujarinya yang memasangi impian mahu berkolaborasi dengan penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza.

Berkenaan Konsert Destiny of Music, Kugiran Masdo meluahkan rasa bertuah masih dipilih untuk menjayakannya.

"Kami berbesar hati dapat sepentas dengan band lain yang hebat. Kalau boleh setiap persembahan akan tampilkan kelainan kerana tidak mahu orang datang melihat sesuatu yang sama berulang kali.

"Kami pun sebenarnya rasa tak sedap hati kalau asyik persembahan yang sama. Jadi kelainan dalam persembahan itu sangat penting bagi kami," ujarinya lagi. 

Wajah 'jambu' bantu populariti

KUMPULAN Insomniacks semakin menjadi kegilaan ramai remaja. Bukan sahaja 'gila' dengan lagu-lagu mereka, malah ramai peminat terpesona dengan wajah 'jambu' anggota-anggotanya.

Menurut vokalisnya, Syed Mir Iqbal Syed Adeli (**Iqie**), wajah 'jambu' itu hanya dilabelkan peminat kepada mereka, namun bersyukur kerana ia satu kelebihan buat Insomniacks.

"Apabila bercakap pasal wajah 'jambu' yang diberikan, apa yang boleh saya cakap, kalau belajar pasal pemasaran, ini salah satu

perkara yang memainkan peranan.

"Ia berkaitan dengan visual dan apa yang peminat tengok. Sejajurnya ia memang membantu namun perlulah seiring dengan muzik dan lagu yang kami bawakan," katanya.

Dalam masa yang sama, Insomniacks bersyukur para peminat sangat menghargai kehadiran mereka dalam industri muzik.

"Bercakap pasal peminat, setakat ini mereka sangat beradab. Kalau nak ambil gambar pun minta izin. Kalau mereka tengok kami makan, mereka tak ganggu. Kami juga

ucapkan terima kasih atas hadiah-hadiah yang mereka berikan.

"Diharapkan dapat lagi bertemu mereka di Konsert Destiny of Music November ini. Dalam masa yang sama, kami juga teruja apabila akan sepentas dengan Akim & The Majistret, Kugiran Masdo dan Empty Page.

"Semoga konsert ini dapat menambah pengalaman kami untuk menjadi lebih baik. Banyak sebenarnya yang kami boleh belajar daripada mereka. Terima kasih juga kepada penganjur yang memilih kami," tambahnya lagi. 





“Orang tak tahu
jatuh bangun” ➤23

Pahang kuasai
tiga acara ➤22



Trend fesyen ‘cosplay’ dalam kalangan remaja Islam

BUKA RUANG KEMUDARATAN

DINAMISME berfesyen dalam kalangan wanita sering mengalami perubahan sejajar dengan perkembangan zaman, masa dan teknologi yang sentiasa berkembang. Perkembangan dalam berfesyen pada hari ini bukan sahaja diminati oleh golongan berkerjaya dan remaja, tetapi juga oleh perkembangan dalam penggunaan media sosial dan TikTok yang telah membawa pengaruh besar kepada dunia fesyen dalam kalangan remaja.

Interaksi sosial dari pelbagai budaya, agama dan cara hidup melalui perkembangan media sosial telah membawa paradigma dalam perubahan fesyen dan minat dalam kalangan remaja.

Penulisan kali ini akan mengupas trend remaja pada masa kini yang sangat meminati watak-watak animasi dalam manga (komik Jepun) yang diterjemahkan melalui pemakaian kostum animasi yang dinamakan sebagai cosplay.

Perkataan *cosplay* merupakan singkatan daripada perkataan *costume play* dalam bahasa Inggeris atau *Kosupure* dalam bahasa Jepun yang diperagakan dengan pelbagai jenis karakter yang diilhamkan daripada manga, anime (animasi kartun), tokusatsu (rancangan televisyen) dan permainan video yang berbentuk sains fiksi.

Cosplay secara umumnya bermula sekitar tahun 1970-an apabila pemilik amatur majalah atau manga menganjurkan penjualan manga di pusat pameran dengan kehadiran karakter-karakter yang diilhamkan daripada watak dalam manga dengan pelbagai jenis pakaian untuk menarik perhatian orang ramai.

Bermula tahun 1990-an, peragaan pakaian *cosplay* telah mula menular ke beberapa negara Asia seperti Hong Kong, Taiwan, China, Indonesia dan Malaysia.

Kini, pemakaian fesyen *cosplay* dengan membawa karakter-karakter popular seperti Gekiga (Ninja Bugeicho), Shonen (Dragon Ball) dan Shoyo (Sailor Moon) telah mula menarik perhatian remaja

perempuan, khususnya dalam kalangan remaja Islam.

Faktor minat, ekspresi keyakinan diri dan pengaruh daripada persekitaran serta media sosial menjadikan pemakaian *cosplay* turut diminati dalam kalangan remaja perempuan, khususnya di bandar-bandar besar.

Pemakaian *cosplay* dalam kalangan remaja perempuan Islam pada kebiasaannya akan disertakan dengan solekan yang tebal serta hijab yang digayakan seperti dandanan rambut dan pemilihan pakaian mengikut karakter yang diminati.

Ada kalanya pemilihan pakaian terlalu ketat sehingga menampilkan susuk badan dan tidak menutup aurat secara sempurna. Peminat-peminat anime pada kebiasaannya akan berkumpul dalam sesebuah acara yang dihadiri oleh ribuan peminat karakter anime dengan solekan dan pakaian yang pelbagai mengikut karakter yang digemari.

Hukum Islam adalah sangat dinamik dan sentiasa menerima perubahan akibat perkembangan zaman, masa dan keadaan. Hukum Islam sangat bersifat menyeluruh dalam menilai setiap perlakuan umat Islam agar sentiasa selari dengan prinsip asas yang telah ditetapkan dalam hukum Islam.

Malah, dalam konteks berfesyen, hukum Islam tidak meletakkan kod pemakaian yang khusus kepada seluruh umat Islam, bahkan Islam memberi kelonggaran kepada umatnya untuk memilih fesyen yang diminati dan digemari sebagai meraikan fitrah manusia yang sukakan kecantikan.

Akan tetapi, hukum Islam telah meletakkan garis panduan yang lengkap terhadap pemilihan fesyen agar matlamat asal untuk menutup aurat adalah bersifat patuh syariah. Pemuatan syariah merupakan satu sistem yang merujuk kepada pemuatan terhadap peraturan yang terdapat dengan jelas di dalam Al-Quran, Sunnah dan prinsip-prinsip lain dalam hukum Islam.

Dalam konteks pemakaian pakaian

cosplay, terutama dalam kalangan remaja perempuan Islam, fesyen yang diperagakan perlu memenuhi kriteria seperti pakaian yang diperagakan bersifat longgar, fabrik pakaian tidak menampilkan warna kulit dan mesti menutupi seluruh tubuh badan serta tidak ketat. Piawaian pemakaian dalam fesyen yang diperagakan adakalanya tidak menepati hukum Islam kerana terlalu obses dengan fesyen yang menjadi trending dalam kalangan peminat fesyen.

Situasi yang berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini dapat diistilahkan sebagai al-Tasyabbuh. Maksud al-Tasyabbuh dari segi istilah sebagaimana yang didefinisikan oleh Imam al-Ghazali adalah, usaha manusia untuk menyerupakan dirinya dengan sesuatu yang diinginkan agar serupa dengan sesuatu tersebut sama ada dalam tingkah laku, pakaian atau sifat-sifatnya.

Manakala definisi lain terhadap al-Tasyabbuh adalah penyerupaan orang Muslim terhadap orang kafir pada sesuatu perkara yang tidak termasuk dalam kategori masalah yang mutabar (manfaat yang jelas faedahnya kepada manusia berdasarkan nas-nas syara’).

Justeru itu, pengayaan fesyen *cosplay* dalam kalangan remaja perempuan Islam adalah tidak menepati hukum Islam dan tidak membawa sebarang manfaat kepada individu tersebut, bahkan ia membuka ruang kepada kemudaran dari aspek jenayah seksual dan kemaksiatan dalam kalangan remaja.

Pemilihan fesyen walaupun bersifat trending dan minat yang mendalam, perlu diperhalusi agar pemakaian tersebut tidak menampilkan susuk badan, bersolekan secara berlebihan (tabarruj) dan seterusnya boleh menjerumus ke arah kemaksiatan.

PENULIS Dr Ariyanti Mustapha merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



FESYEN ‘cosplay’ yang diperagakan remaja Islam perlu memenuhi kriteria hukum Islam. - Gambar hiasan